BULETIN

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK

2025

JANUARI - DISEMBER





TUAN YANG TERUTAMA YANG DIPERTUA NEGERI SARAWAK SANTUNI RAKYAT

PROGRAM PEMUKIMAN JAKIM TAHUN 2025 (9)

MAJLIS AGIHAN BUBUR PEDAS KEJIRANAN MESRA DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (53)

MINI KARNIVAL MESRA UMMAH AL-FALAH MALAYSIA MADANI SEMATAN TAHUN 2025 (89)

SIDANG REDAKSI



KETUA EDITOR
Mohd. Fadilah bin Junaidi

EDITOR



Husnul Nisa' binti Amran



Aziatul Amisha binti Abdul Rahim



Khadijah binti Ellie



Hairulnizam bin Razali

PEMBACA PRUF



Nur Fatin Amira binti Marzuki

PEMBACA PRUF



Mohd. Zulfadhli bin Matamin

KONSEP & REKA LETAK



Muhammad Aliff bin Yusof

KONSEP & REKA LETAK



Muhammad Faizul bin Kanaini

KOORDINATOR PENERBITAN & EDARAN



Siti Nur Afifah Nazihah binti Ran

JURU GAMBAR



Zulkarnaen bin Jemat

Isi Kandungan

PERUTUSAN KETUA PENGARAH JAKIM..... 03

SEKAPUR SIRIH..... 04

KALAM KETUA EIDTOR..... 05

BULETIN BULANAN :

- JANUARI..... 06
- FEBRUARI..... 24
- MAC..... 51
- APRIL..... 64
- MEI..... 68
- JUN..... 78
- JULAI..... 87
- OGOS..... 96
- SEPTEMBER..... 102
- OKTOBER..... 113
- NOVEMBER..... 124
- DISEMBER..... 129

ARTIKEL STAF..... 131

SELAMAT DATANG..... 135

JASAMU DIKENANG..... 136

SEKALUNG TAHNIAH..... 137

Perutusan
Ketua Pengarah JAKIM



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani,

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Buletin JAKIM Sarawak Edisi 2025 dapat diterbitkan sebagai wadah perkongsian maklumat serta dokumentasi pelbagai aktiviti dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun.

Penerbitan buletin ini amat signifikan sebagai medium yang menonjolkan komitmen serta usaha berterusan JAKIM Sarawak dalam memperkukuh peranan dakwah, pendidikan Islam, pembangunan ummah serta kerjasama strategik dengan pelbagai pihak di Negeri Sarawak. Melalui pelbagai program yang dianjurkan, JAKIM Sarawak terus memainkan peranan penting dalam menyemarakkan syiar Islam serta memperkasa kefahaman masyarakat terhadap ajaran Islam yang sebenar.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga JAKIM Sarawak yang sentiasa komited dalam melaksanakan amanah dengan penuh dedikasi, profesionalisme dan semangat kerja berpasukan. Usaha gigih ini membuktikan bahawa dakwah dan perkhidmatan kepada masyarakat memerlukan kesungguhan, keikhlasan serta pengorbanan yang tinggi.

Selain itu, penghargaan juga ditujukan kepada semua agensi kerajaan, pemimpin masyarakat, institusi masjid dan surau, badan bukan kerajaan serta komuniti setempat yang sentiasa memberikan kerjasama erat dalam menjayakan pelbagai program dan inisiatif anjuran JAKIM Sarawak. Kerjasama strategik ini amat penting dalam memastikan agenda pembangunan ummah dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh dan berkesan.
Saya berharap agar penerbitan Buletin JAKIM Sarawak ini bukan sahaja menjadi rekod kepada pencapaian organisasi, malah dapat menjadi sumber inspirasi kepada masyarakat untuk terus bersama-sama memartabatkan syiar Islam serta memperkukuh perpaduan ummah.

Akhir kata, saya mendoakan agar segala usaha dan perancangan yang dilaksanakan oleh JAKIM Sarawak akan terus dipermudahkan oleh Allah SWT serta diberkati demi kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.

DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE
Ketua Pengarah,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Sekapur Sirih

Pengarah JAKIM Sarawak



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, JAKIM Sarawak berjaya menerbitkan Buletin JAKIM Sarawak Edisi 2025 sebagai medium perkongsian maklumat serta dokumentasi pelbagai program, aktiviti dan pencapaian yang telah dilaksanakan sepanjang tahun.

Penerbitan buletin ini merupakan satu usaha penting dalam merakam serta menzahirkan komitmen JAKIM Sarawak dalam melaksanakan amanah memperkukuh penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat. Sepanjang tahun 2025, pelbagai program dakwah, pendidikan, kebajikan, pembangunan ummah serta kerjasama strategik bersama agensi kerajaan, institusi masjid dan surau, badan bukan kerajaan serta masyarakat setempat telah dilaksanakan dengan jayanya.

Buletin ini bukan sahaja menjadi rekod kepada aktiviti yang telah dilaksanakan, malah menjadi wadah untuk berkongsi pengalaman, idea serta inspirasi kepada seluruh warga kerja JAKIM Sarawak dan masyarakat umum. Diharapkan penerbitan ini dapat memberikan gambaran yang jelas tentang peranan dan sumbangan JAKIM Sarawak dalam menyemarakkan syiar Islam serta memperkukuh keharmonian masyarakat di negeri ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buletin ini. Ucapan terima kasih khususnya ditujukan kepada jawatankuasa penerbitan serta seluruh warga JAKIM Sarawak yang telah memberikan komitmen dan kerjasama yang padu dalam memastikan buletin ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Akhir kata, saya berharap agar penerbitan Buletin JAKIM Sarawak Edisi 2025 ini akan terus menjadi sumber rujukan dan inspirasi dalam memperkukuh usaha dakwah, memartabatkan syiar Islam serta memperkasa pembangunan ummah di Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

HAMDAN BIN JAR'EE
Pengarah,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Sarawak

Kalam
Ketua Editor



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Buletin JAKIM Sarawak Edisi 2025 akhirnya berjaya diterbitkan. Penerbitan buletin ini merupakan hasil usaha bersama serta komitmen yang tinggi daripada seluruh ahli jawatankuasa editorial dan warga kerja JAKIM Sarawak dalam mendokumentasikan pelbagai program, aktiviti serta pencapaian sepanjang tahun.

Proses penerbitan buletin ini bukanlah suatu usaha yang mudah. la melalui beberapa peringkat penting bermula daripada pengumpulan bahan, pemilihan kandungan, penulisan, penyuntingan, penyusunan reka letak sehingga ke peringkat akhir percetakan. Setiap proses ini memerlukan kerjasama erat, ketelitian serta kesungguhan daripada semua pihak bagi memastikan maklumat yang disampaikan adalah tepat, tersusun dan memberi manfaat kepada pembaca.

Buletin ini diterbitkan dengan tujuan merakamkan pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh JAKIM Sarawak dalam memperkukuhkan dakwah, pendidikan Islam serta pembangunan ummah di negeri ini. Di samping itu, ia juga berperanan sebagai medium perkongsian maklumat yang dapat memperlihatkan komitmen berterusan JAKIM Sarawak dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab kepada masyarakat.

Penerbitan buletin ini diharapkan dapat menjadi satu bentuk dokumentasi yang bermakna serta sumber rujukan kepada warga organisasi dan masyarakat umum mengenai peranan serta sumbangan JAKIM Sarawak dalam menyemarakkan syiar Islam dan memperkukuh nilai-nilai murni dalam kehidupan bermasyarakat.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, bahan penulisan, gambar serta maklumat bagi menjayakan penerbitan buletin ini. Penghargaan juga ditujukan kepada barisan jawatankuasa penerbitan yang telah bertungkus-lumus memastikan setiap kandungan buletin ini disusun dengan baik dan berkualiti.

Akhir kata, semoga Buletin JAKIM Sarawak Edisi 2025 ini dapat memberikan manfaat kepada para pembaca serta menjadi inspirasi untuk kita semua terus berusaha memperkasa dakwah dan pembangunan ummah pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

MOHD. FADILAH BIN JUNAIDI
Ketua Editor

JANUARI

MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEKOLAH KEBANGSAAN MATANG JAYA SESI 2024/2025

4 JANUARI 2025

Majlis Khatam Al-Quran SK Matang Jaya sesi 2024/2025 telah diadakan pada hari ini 4 Januari 2025M bersamaan 4 Rejab 1446H bertempat di dewan PIBG Square, SK Matang Jaya.

Majlis dimulakan dengan perarakan peserta khatam dari Masjid Al-Abyad ke SK Matang Jaya yang turut disertai oleh ibu bapa pelajar bagi memeriahkan majlis. Bacaan khatam al-Quran dipimpin oleh Ustaz Mohd Alieff bin Mamat, Guru SK Matang Jaya.





Majlis perasmian disempurnakan oleh YBrs. Encik Wan Ahmad Rafiq bin Wan Julihi, Yang Dipertua PIBG SK Matang Jaya serta dihadiri oleh Encik Ensnat bin Mosa, Guru Besar SK Matang Jaya dan Ustaz Muhamad bin Abdullah, wakil Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEKOLAH KEBANGSAAN SERUYUK TAHUN 2025

15 JANUARI 2025

Sekolah Kebangsaan Seruyuk telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung dengan penuh meriah. Program ini bertujuan meraikan murid yang berjaya mengkhatamkan al-Quran serta memupuk kecintaan terhadap kitab suci dalam kalangan pelajar dan komuniti setempat.



Majlis ini telah dirasmikan oleh Ustaz Muhammad bin Abdullah selaku wakil Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak yang turut menyampaikan ucapan inspirasi mengenai kepentingan al-Quran sebagai panduan hidup dan menekankan peranan al-Quran dalam membentuk peribadi unggul serta nilai-nilai murni yang seharusnya diamalkan dalam kehidupan seharian.



HARI KELUARGA & MAJLIS APRESIASI KANAK-KANAK PRASEKOLAH AVICENNA SEKOLAH KEBANGSAAN TELAGA AIR SESI 2024/2025

11 JANUARI 2025

Persatuan Ibu Bapa dan Guru Prasekolah Avicenna SK Telaga Air telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak untuk mengadakan Hari Keluarga & Majlis Apresiasi Kanak-Kanak Prasekolah Avicenna SK Telaga Air Sesi 2024/2025.







Program yang berlangsung separuh hari ini telah dimulakan dengan pertandingan sukaneka kanak-kanak prasekolah bersama ibu bapa. Seterusnya, disusuli dengan sesi penghargaan dan penyampaian hadiah yang telah disempurnakan oleh YBhg. Encik Raduan bin Rabian, Pengerusi PIBG Prasekolah Avicenna SK Telaga Air dan Ustaz Mohd. Firdaus bin Ahmat, wakil dari JAKIM Sarawak. Turut hadir bersama bagi menyerikan serta menjayakan program ini ialah YBhg. Puan Suhana binti Panglima, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SK Telaga Air.

LAWATAN KERJA RASMI PRESIDEN CUEPACS

14 JANUARI 2025

Buat julung-julung kalinya, YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (CUEPACS).

Delegasi CUEPACS diketuai oleh YBhg. Dr. Haji Adnan bin Mat, President CUEPACS. Kunjungan hormat yang diadakan ini juga merupakan sebahagian daripada lawatan kerja rasmi Presiden CUEPACS.



Sesi taklimat korporat oleh Pengarah JAKIM Sarawak, ucapan Presiden CUEPACS dan sesi soal jawab khususnya perkara melibatkan perkhidmatan awam.





PROGRAM

Madani Murni

15 JANUARI 2025

Pada 15 Januari 2025, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama strategik Panitia Pendidikan Islam SMK Sri Matang telah mengadakan Program Madani Murni bersempena Israk dan Mikraj: Sebuah Kembara Iman bertempat di Surau 'Ibadur Rahman, SMK Sri Matang.

Bulan Rejab yang pastinya sinonim dengan peristiwa Israk dan Mikraj sekaligus telah menampilkan YBrs. Ustaz Mohammad Shahtella bin Montel, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak selaku penceramah jemputan kali ini.

Atur cara diteruskan dengan ucapan aluan oleh Encik Zakry bin Ismail, Penolong Kanan Pentadbiran SMK Sri Matang. Kemuncak program ini adalah sesi penyampaian cenderahati tanda kenang-kenangan dan sesi bergambar.









PROGRAM PEMUKIMAN JAKIM TAHUN 2025

15 JANUARI 2025 HINGGA 18 JANUARI 2025
INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK (IKMAS)

















MAJLIS KONVOKESYEN SAUDARA KITA 2025, HIDAYAH CENTRE FOUNDATION SARAWAK

18 JANUARI 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak melalui kerjasama strategik dengan Jabatan Agama Islam Sarawak telah berganding bahu untuk bersama-sama membantu Hidayah Centre Foundation Sarawak bagi mengadakan Majlis Konvokesyen Saudara Kita 2025.

Majlis yang julung-julung kali diadakan ini adalah sebagai tanda penghargaan dan sokongan kepada pelajar-pelajar Kelas Bimbingan Saudara Kita Hidayah Centre Foundation Bahagian Kuching & Samarahan yang telah menamatkan kesemua siri kelas bimbingan selama 1 tahun 6 bulan dengan jayanya.

Majlis Konvokesyen bagi meraikan seramai 17 orang graduan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Ustaz Suharman bin Edward, Ketua Bahagian Dakwah JAIS dan YBhg. Encik Jonas bin Lukas, Ketua Pegawai Eksekutif Hidayah Centre Foundation Malaysia serta turut diserikan dengan kehadiran YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak.









18 JANUARI 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak menjalinkan kerjasama dengan Sekolah Rendah Islam Al-Amin Kuching bagi mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Sekolah Rendah Islam Al-Amin Kuching bertempat di Dewan Wisma Wanita.

Majlis yang diadakan pada 18 Januari 2025 ini bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada pelajar yang telah mencapai kejayaan dalam pembelajaran dan meningkatkan motivasi kepada pelajar agar lebih bersemangat dalam menuntut ilmu.

Majlis ini juga diserikan dengan kehadiran Ustaz Mohammad Shahtella bin Montel, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak mewakili Pengarah JAKIM Sarawak, Tuan Haji Abang Abdul Halil bin Haji Abang Naili, Pengerusi Ahli Lembaga Pengelola Sekolah Rendah Islam Al-Amin, Puan Zaiton binti Yusof, Pengurus Sekolah Rendah Islam Al-Amin, Encik Mohd Sham bin Mohd Affendi, Yang Dipertua PIBG Sekolah Rendah Islam Al-Amin dan Encik Idlan Farid bin Mohd Noor Iskandar, Penolong Pentadbiran Kurikulum, Sekolah Rendah Islam Al-Amin.

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN SEKOLAH RENDAH ISLAM AL-AMIN, KUCHING



KURSUS ASAS FARDU KIFAYAH (PENGURUSAN JENAZAH) DAN CERAMAH PERDANA ISRAK MIKRAJ

Islam adalah agama syumul (sempurna) yang meliputi seluruh cara kehidupan bukan sahaja urusan duniawi tetapi turut merangkumi alam akhirat. Dalam menempuh kehidupan dunia dan persiapan untuk akhirat, menjadi kewajipan kepada sebahagian umat Islam untuk mempelajari ilmu fardu kifayah di samping mendalami ilmu fardhu ain.

Pada kesempatan kali ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak selaku Agensi Islam Persekutuan di Sarawak telah mengadakan Kursus Asas Fardu Kifayah (Pengurusan Jenazah) dengan kerjasama Jawatankuasa Pengurusan Surau Darul Iman, Taman Samarindah 2, Kota Samarahan. Kursus ini menerima penyertaan yang sangat menggalakkan dalam kalangan penduduk tempatan. Kursus Pengurusan Jenazah ini juga telah disampaikan oleh Ustaz Mohamad Ismail bin Najir Mohamad, Pegawai Agama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Cawangan Sarawak. Pelbagai ilmu dan panduan telah dikongsikan oleh Ustaz Ismail kepada para peserta yang menyertai kursus ini.

Seterusnya, program diteruskan lagi dengan Ceramah Perdana beserta kupasan tajuk "Israk dan Mikraj: Suatu Perjalanan yang Agung" yang juga disampaikan oleh Ustaz Mohamad Ismail bin Najir Mohamad. Kisah serta pengajaran daripada peristiwa Israk dan Mikraj boleh dijadikan teladan oleh umat Islam dalam kehidupan seharian. Seusai ceramah perdana, majlis penangguhan program telah disempurnakan oleh YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak.









KUNJUNGAN HORMAT YBHG. DATO DR. ABU BAKAR BIN ABDULLAH@TOM BELAREK PRESIDEN ORANG ULU NATIONAL ASSOCIATION (OUNA)









SEMINAR PEMANTAPAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH BAHAGIAN KUCHING TAHUN 2025M/1446H

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama strategik Pejabat Agama Islam Bahagian Kuching telah mengadakan Seminar Pemantapan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Bahagian Kuching Tahun 2025M/1446H bertempat di Auditorium Tingkat 17 Bangunan Sultan Iskandar pada 23 Januari 2025.







Objektif penganjuran seminar ini adalah untuk memberi pendedahan dan penerangan tentang akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sebenar serta menerangkan mengenai kesan ekstremis agama terhadap keselamatan negara.

JERAYAWARA BAHAYA EKSTREMIS AGAMA BAHAGIAN KUCHING TAHUN 2025M/1446H











Pada 23 Januari 2025, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama strategik Jabatan Mufti Sarawak dan Jawatankuasa Pengurusan Surau Darul Ibadah, Taman Malihah telah mengadakan Jerayawara Bahaya Ekstremis Agama Bahagian Kuching Tahun 2025M/1446H.

Penceramah jemputan kali ini adalah YBhg. Datu Haji Khalidi bin Haji Ibrahim, Pakar Rujuk Syariah, Jabatan Mufti Sarawak dengan ceramah khas bertajuk "Bahaya Ekstremis Agama".

Turut hadir bersama YBrs. Ustaz Mohammad Shahtella bin Montel, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak mewakili Pengarah JAKIM Sarawak dan Tuan Haji Salman bin Karudin, Pengerusi Surau Darul Ibadah, Taman Malihah.

JUH BERAMBEH MASJID MALAYSIA MADANI BAHAGIAN SERIAN TAHUN 2025M/1446H

24 JANUARI 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama Jawatankuasa Pengurusan Masjid Nur Bakti Dakwah, Siburan telah mengadakan kolaborasi bagi menganjurkan Juh Berambeh Masjid Malaysia Madani Bahagian Serian Tahun 2025M/1446H pada 24 Januari 2025M bersamaan 24 Rejab 1446H.

Program ini telah dimulakan dengan penyampaian khutbah oleh YBrs. Ustaz Mohammad Shahtella bin Montel, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak. Turut hadir Tuan Haji Amat Kamari bin Wakimin, Pengerusi Masjid Nur Bakti Dakwah, Siburan.

Program ini telah diakhiri dengan sesi penyampaian sumbangan mashaf al-Quran dan cenderahati kepada pihak Jawatankuasa Masjid Nur Bakti Dakwah, Siburan.











MAJLIS PERASMIAN MASJID DARUL HUDA, KPG. SIOL KANDIS

24 Januari 2025M bersamaan 24 Syaaban 1446H telah berlangsungnya Majlis Perasmian Masjid Darul Huda, Kampung Siol Kandis.

Khutbah Jumaat dan bacaan doa selamat kali ini dipimpin oleh YBhg. Sahibul Fadilah Dato Haji Mustapha Kamal bin Ahmad Fauzi, Imam Besar Negeri Sarawak.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg diiringi oleh menteri-menteri dan dif-dif kenamaan.



Tayangan video montaj, simbolik penyerahan van jenazah dan kit pengurusan jenazah sekaligus telah melengkapkan atur cara Majlis Perasmian Masjid Darul Huda, Kpg. Siol Kandis. Turut hadir bersama Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak, YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee.

PROGRAM TAFAQQUH FIDDIN (SEMBELIHAN HALAL) DAERAH BELADIN TAHUN 2025







Dalam melaksanakan sesuatu ibadah, ilmu dan pengetahuan amat dititikberatkan bagi memastikan ibadah yang dilaksanakan adalah sah menurut syariat Islam dan hukum syarak.

Sehubungan itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah mengambil inisiatif menganjurkan Kursus Sembelihan dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid Al-Amin, Kampung Beladin pada 25 Januari 2025 bersamaan 25 Rejab 1446H.

Para peserta yang hadir didedahkan dengan ilmu teori berkaitan sembelihan halal serta latihan praktikal sembelihan yang dijalankan selepas teori selesai.

PROGRAM KONGSI ILMU (CERAMAH ISRAK MIKRAJ) BERSAMA KARIAH TAHUN 2025



Surau Al-Jariah, Kampung Hilir Maludam







Masjid Al-Amin, Kampung Beladin





JUH BERAMBEH MASJID MALAYSIA MADANI BAHAGIAN LIMBANG



27 Januari 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama Jawatankuasa Pengurusan Surau Darul Salehin, Kampung Pelita, Limbang telah mengadakan Juh Berambeh Masjid Malaysia Madani Bahagian Limbang Tahun 2025M/1446H.

Tazkirah bertajuk Menyingkap Ibrah disebalik Peristiwa Israk dan Mikraj telah disampaikan oleh YBhg. Ustaz Hashim bin Abdul Latip.

Turut hadir bersama YBrs. Ustaz Mohammad Shahtella bin Montel, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak dan Encik Wahid bin Mahmud, Timbalan Pengerusi Surau Darul Salehin, Kampung Pelita, Limbang.



CERAMAH PERDANA SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN ISRAK DAN MIKRAJ PERINGKAT DAERAH LIMBANG TAHUN 1446H/2025M

26 Januari 2025



Jawatankuasa Tetap Perayaan Islam Limbang dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah mengadakan Ceramah Perdana sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Daerah Limbang bertempat di Masjid Baitul Iman, Limbang pada 26 Januari 2025.

Ceramah bertajuk Israk dan Mikraj: Sebuah Kembara Iman telah disampaikan oleh YBrs. Ustaz Mohammad Shahtella bin Montel, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak.

Turut hadir memeriahkan majlis YBhg. Encik Sulaiman bin Engal, Pegawai Daerah Limbang, YBhg Ustaz Awang Abdul Rahim bin Awang Rosely, Pegawai Agama Islam Bahagian Limbang, YBhg. Ayahanda Pemanca Tuan Haji Sahat bin Bagol, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua masyarakat dan kaum dan jemaah sekitar Daerah Limbang.



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN UMAT ISLAM SARAWAK UNTUK MANGSA BANJIR DI SEMENANJUNG







JAKIM SARAWAK
SANTUNI MANGSA BANJIR

1 Februari 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak bersama Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan beberapa agensi lain hadir menyantuni mangsa banjir di Daerah Kecil Sadong Jaya pada 1 Februari 2025.

Beberapa kawasan terjejas akibat musibah banjir di daerah tersebut antaranya Kampung Jemukan Cina, Kampung Sadong Jaya Tengah, Kampung Sadong Jaya Ulu, Kampung Ibol Ulu, Kampung Sampun Kelilili, Kampung Rangawan dan Kampung Sungai Putin. Mangsa dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bertempat di Dewan Warisan dan SK Haji Bujang Rangawan Putin.



Turut hadir bersama YB Datuk Ir Aidel bin Lariwoo, Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur), N24. Sadong Jaya, YBhg. Dato Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan, Setiausaha Persekutuan Sarawak, YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak dan Encik Mohd Syukri bin Satu, Baitulmal Bahagian Samarahan.

PROGRAM TAFAQQUH FIDDIN (KHEMAH IBADAH) & PROGRAM KONGSI ILMU DAERAH LUBOK ANTU TAHUN 2025M/1446H



1 Februari 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Bahagian Sri Aman dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid Nurul Huda, Kampung Melayu Lubok Antu telah mengadakan Program Tafaqquh Fiddin (Khemah Ibadah) 2025M/1446H bertempat di Masjid Nurul Huda, Kampung Melayu, Lubok Antu.







Penganjuran Kursus Tafaqquh Fiddin yang berlangsung selama satu hari ini telah disampaikan oleh dua orang penceramah dari Pejabat Agama Islam Bahagian Sri Aman iaitu Ustaz Zulkiffle bin Haji Abas dan Ustaz Shaiful Ishraf bin Sudirman. Kursus ini juga dibantu oleh urus setia daripada JAKIM Sarawak. Antara objektif penganjuran kursus ini adalah untuk meningkatkan lagi kefahaman Islam dari sudut pemantapan akidah yang berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, di samping memperkukuh aspek ibadah melalui sesi penerangan dan soal jawab.





Kursus yang diadakan di Surau Nur Hidayah ini telah disemarakkan dengan pengisian ceramah Israk dan Mikraj yang disampaikan oleh Ustaz Zulkiffle bin Haji Abas dari Pejabat Agama Islam Bahagian Sri Aman. Program ini telah berlangsung dengan jayanya serta turut diserikan dengan kehadiran YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak, Ayahanda Salleh bin Abdullah, Pengerusi Surau Nur Hidayah, SPAD Melugu Estate, Puan Arini binti Sharkawi, Pengerusi Urus Setia Saudara Kita Cawangan Melugu dan Puan Tantiana Len Abdullah, Pengerusi Urus Setia Saudara Kita Bahagian Sri Aman.

KUNJUNG HORMAT PENGARAH JAKIM SARAWAK

PROGRAM ROUND TABLE DISCUSSION (RTD) JAKIM SARAWAK BERSAMA HOSPITAL UMUM SARAWAK





KUNJUNG HORMAT KE UNIT KOMUNIKASI AWAM SARAWAK (UKAS) JABATAN PREMIER SARAWAK

KUNJUNG HORMAT DARIPADA PENGARAH DAN UNIT AGAMA PENJARA PUNCAK BORNEO KUCHING





KUNJUNG HORMAT DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK

PROGRAM ZIARAH KASIH MADANI BAHAGIAN KUCHING TAHUN 2025









4 Februari 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak terus proaktif dengan program-program pengimarahan institusi masjid dan surau. Justeru, pada kali ini JAKIM Sarawak dengan kerjasama strategik Jawatankuasa Pengurusan Surau Baitul Quddus, Kampung Pueh Sematan telah mengadakan Program Ziarah Kasih Madani Bahagian Kuching Tahun 2025 pada 4 Februari 2025.

Surau Baitul Quddus, Kampung Pueh Sematan yang juga merupakan surau angkat JAKIM Sarawak menjadi destinasi kali ini. Objektif penganjuran program ini adalah untuk menyantuni dan mengukuhkan hubungan silaturrahim antara kariah Surau Baitul Quddus, komuniti setempat dan pihak penganjur.

Program Ziarah Kasih Madani telah menampilkan YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak sebagai penceramah jemputan khas kali ini. Turut diadakan sesi penyerahan bakul sumbangan kepada penerima terpilih. Hadir bersama Encik Muhammmad Aniszan Mahadi bin Abdullah, Pengerusi Surau Baitul Quddus dan Haji Abdul Halim bin Sahak, Penyelia Daie Hikmah Zon Lundu dan Sematan

SEMINAR KEFAHAMAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM SARAWAK 2025



9 Februari 2025







Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Seminar Kefahaman Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 2025 bertempat di Hotel Sri Malaysia, Lawas pada 9 Februari 2025.

Program itu merupakan anjuran bersama Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dan Pejabat Residen Bahagian Limbang.

Seminar yang berlangsung selama dua hari, pada 8 hingga 9 Februari 2025, telah menghimpunkan seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada wakil Agensi Kerajaan Sarawak dan Persekutuan, Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau serta Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Turut hadir dalam majlis ini ialah isteri Timbalan Premier Sarawak, YBhg. Dato Dayang Morliah Awang Daud, Ahli Parlimen P.222 Lawas, YB Dato Henry Sum Agong, Residen Bahagian Limbang, YBrs. Tuan Haji Unus bin Tambi, Pengarah JAKIM Sarawak, YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pegawai Daerah Lawas, YBrs. Encik Ladin Atok serta ketua-ketua jabatan, ketua masyarakat dan ketua kaum Daerah Lawas.



CERAMAH PERDANA SEMPENA SEMINAR KEFAHAMAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM SARAWAK TAHUN 2025





8 Februari 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid Besar Darul Makmur telah mengadakan Ceramah Perdana sempena Seminar Kefahaman Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak Tahun 2025 bertempat di Masjid Besar Darul Makmur, Lawas.

Ceramah bertajuk Membina Keluarga Sakinah, Mawaddah dan Rahmah telah disampaikan oleh YBhg. Dr. Sarip bin Adul, Pengarah Pusat Islam, Universiti Malaysia Sabah. Antara intipati ceramah yang disampaikan adalah asas-asas yang diperlukan untuk membina sebuah keluarga sakinah, mawaddah dan rahmah.

Turut hadir memeriahkan majlis, YBhg. Yang Amat Arif Datu Haji Awang Suhaili bin Ledi, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak serta Tuan Haji Awang Ibrahim bin Ahmat, Timbalan Pengerusi Masjid Besar Darul Makmur, Lawas.

KURSUS ASPIRASI MADANI: PESONA JATI DIRI

7–9 Februari 2025

Kundasang - Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Kundasang dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan Kepimpinan Islam (PKKI) ILIM Kampus Utama telah berjaya menganjurkan Kursus Aspirasi Madani: Pesona Jati Diri selama 3 hari 2 malam, bermula 7 hingga 9 Februari 2025. Kursus ini melibatkan penyertaan seramai 38 orang Pembantu Khidmat Am daripada pelbagai Bahagian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) termasuk Masjid Negara, JAKIM Sabah, JAKIM Sarawak, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Darul Quran dan ILIM.







Objektif utama kursus ini adalah untuk memperkasakan peranan dan tanggungjawab Pembantu Khidmat Am dalam menyokong Aspirasi Madani dalam perkhidmatan. Selain itu, kursus ini juga bertujuan untuk meningkatkan kecekapan serta keberkesanan kerja dalam organisasi, di samping menerapkan nilai Islam sebagai budaya kerja bagi membentuk sikap positif, profesionalisme dan integriti yang tinggi dalam perkhidmatan.

Sepanjang kursus, peserta telah didedahkan dengan pelbagai pengisian termasuk sesi ceramah, latihan dalam kumpulan dan perbincangan interaktif yang memberi fokus kepada peranan Pembantu Khidmat Am, teknik meningkatkan keberkesanan kerja serta penerapan nilai-nilai Islam dalam budaya kerja.

PROGRAM TAFAQQUH FIDDIN & PROGRAM KONGSI ILMU BERSAMA KARIAH DI LUNDU TAHUN 2025M/1446H

07 FEBRUARI 2025





Bersempena dengan bulan Syaaban 1446H, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak menerusi "Program Kongsi Ilmu bersama Kariah di Bahagian Lundu" telah mengadakan Ceramah Ambang Ramadan bertempat di Musolla Fathul Islam, Kampung Pasir Hulu, Lundu.

Ceramah Ambang Ramadan anjuran bersama ini telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad bin Abdullah, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak. Program pada malam ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari penduduk setempat dan turut diserikan juga dengan kehadiran YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak, Haji Zahari bin Abdullah, Pengerusi Musolla Fathul Islam dan Ustaz Ramadhan bin Suandy, Daie Hikmah.

08 FEBRUARI 2025





JAKIM Sarawak dengan kerjasama Jawatankuasa Pengurusan Surau Al-Hidayah, Kampung Biawak, Lundu telah mengadakan Program Tafaqquh Fiddin (Kaedah Sembelihan Mengikut Syariat Islam) bagi Tahun 2025M/1446H bertempat di Surau Al-Hidayah, Kampung Biawak, Lundu.

Pelaksanaan Kursus Tafaqquh Fiddin yang berlangsung selama 1 hari ini telah menampilkan penceramah dari Jabatan Agama Islam Sarawak iaitu Ustaz Mohd Amir Ridhwan bin Abdullah, turut dibantu oleh urus setia daripada JAKIM Sarawak. Objektif penganjuran kursus ini adalah bagi memantapkan tahap kefahaman dan kemahiran dalam melaksanakan ibadah sembelihan mengikut syariat Islam. Dalam kursus ini juga, para peserta turut diberi kesempatan serta peluang untuk mempraktikkan cara penyembelihan dengan betul dan sempurna melalui sesi praktikal sembelihan ayam.

PROGRAM TAFAQQUH FIDDIN & PROGRAM KONGSI ILMU BERSAMA KARIAH DI LUNDU TAHUN 2025M/1446H





08 FEBRUARI 2025

Menerusi "Program Kongsi Ilmu bersama Kariah di Bahagian Lundu" ini juga, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah mengadakan Ceramah Ambang Ramadan bertempat di Surau Al-Hidayah, Kampung Biawak, Lundu bersempena persiapan menuju bulan Ramadan.

Ceramah Ambang Ramadan anjuran bersama ini telah disampaikan oleh Ustaz Abdul Hadi bin Abdul Halim. Program pada malam ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari penduduk setempat dan turut diserikan juga dengan kehadiran YBrs Ustaz Muhammad bin Abdullah, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak mewakili YBrs Pengarah JAKIM Sarawak, Haji Abdul Rahim Abdullah, Pengerusi Surau Al-Hidayah dan Ustaz Ramadhan bin Suandy Daie Hikmah.





09 FEBRUARI 2025

Bersempena dengan bulan Syaaban 1446H, JAKIM Sarawak menerusi "Program Kongsi Ilmu bersama Kariah di Bahagian Lundu" telah mengadakan Kuliah Subuh: Ambang Ramadan bertempat di Masjid Darul Ikhwanil Muslimin, Kampung Sekambal, Lundu.

Kuliah Subuh anjuran bersama ini telah disampaikan oleh Ustaz Mohd. Firdaus bin Ahmat. Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari penduduk setempat dan turut diserikan juga dengan kehadiran YBrs Ustaz Muhammad bin Abdullah, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak mewakili YBrs Pengarah JAKIM Sarawak, Haji Azhar bin Mat Johai, Ketua Kampung Sekambal dan Haji Ramli bin Zainudin, Pengerusi Masjid Darul Ikhwanil Muslimin.

TAUSIYAH KHAS SEMPENA PROGRAM ZIARAH MAHABBAH MAJLIS ISLAM SARAWAK

13 Februari 2025

Program Ziarah Mahabbah anjuran Majlis Islam Sarawak merupakan wadah penting dalam usaha memperkukuhkan lagi perpaduan terutamanya dalam kalangan umat Islam.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan Program Tausiyah Khas sempena Ziarah Mahabbah Majlis Islam Sarawak.







Hadir memeriahkan majlis, Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak (Utiliti), YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Junaidi. Turut hadir bersama Yang di-Pertua Majlis Islam Sarawak Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, Sahibus Siyadah Ustaz Haji Mual bin Haji Suaud, Setiausaha Majlis Islam Sarawak, Ustaz Hamdan bin Jar`ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dan Pengerusi Masjid Darul Hijrah Bandar Baru Samariang, Haji Adeng bin Unus.

PROGRAM TAUTAN MAHABBAH SEMPENA PROGRAM ZIARAH MAHABBAH MAJLIS ISLAM SARAWAK

14 FEBRUARI 2025

Masjid Darul Halim, Kampung Temenggong

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak menjalinkan kerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Masjid Darul Halim, Kampung Temenggong dalam mengadakan Program Tautan Mahabbah Masjid dan Surau Malaysia Madani sempena Ziarah Mahabbah Majlis Islam Sarawak Tahun 2025M/1446H.





14 FEBRUARI 2025

Masjid Darul Muttaqin, Kampung Buntal

JAKIM Sarawak menjalinkan kerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Masjid Darul Muttaqin, Kampung Buntal mengadakan Program Tautan Mahabbah Masjid dan Surau Malaysia Madani Sempena Ziarah Mahabbah Majlis Islam Sarawak Tahun 2025M/1446H.



YANG DIPERTUA NEGERI SARAWAK SANTUNI RAKYAT





Pada 14 Februari 2025, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar menunaikan solat Jumaat di Masjid Darul Huda, Kampung Siol Kandis, Petrajaya Kuching.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran YB Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar bin Marzuki, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, YBhg. Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, Yang di-Pertua Majlis Islam Sarawak, YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) serta YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak.



TOWNHALL JAWATANKUASA PENYELARASAN PENDIDIKAN ISLAM KEBANGSAAN (JPPIK) & MAJLIS ISLAM SARAWAK





Pada 15 Februari 2025, telah berlangsung Sesi Townhall Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan (JPPIK) bersama Majlis Islam Sarawak berhubung Institusi Pendidikan Islam Persendirian (IPIP) dan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Sarawak. Program ini telah diadakan di Pusat Penerangan Islam Sarawak sebagai platform perbincangan dan penyelarasan hala tuju pendidikan Islam di negeri ini.

Sesi townhall tersebut telah menampilkan ahli panel jemputan khas iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd Dom, Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan, YBhg. Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, Yang di-Pertua Majlis Islam Sarawak, YBrs. Ustazah Salwana binti Ahmad Dahlan, Pengarah Kanan Bahagian Dasar Kemajuan Islam (JAKIM) dan YBhg. Sahibus Siyadah Ustaz Haji Mual bin Haji Suaud, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) selaku moderator.

Tujuan utama sesi ini adalah untuk membincangkan dasar-dasar terkini berkaitan pendidikan Islam di peringkat Kebangsaan dan Sarawak khususnya mengenai Institusi Pendidikan Islam Persendirian (IPIP) dan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Sesi ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada pengusaha IPIP dan guru KAFA bagi menambah baik pelaksanaan program Pendidikan Islam di Sarawak.

Turut hadir dalam sesi tersebut ialah YBhg. Datu Dr. Haji Julaihi bin Bujang, Pengarah BPP-MIS, YBrs. Ustazah Jamilah binti Muhammad Jamil, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan JAKIM, YBhg. Datu Haji Abdul Hadi bin Dato Sri Abdul Kadir Hassan, Ahli Majlis Islam Sarawak, YBhg. Dato Dr. Haji Jamil bin Haji Jamali, Ahli Majlis Islam Sarawak, YBhg. Dr. Abdul Jabbar Abdullah, Ahli Majlis Islam Sarawak, YBrs. Ustaz Hamdan bin Jaree, Pengarah Jabatan Kemajuan Malaysia (JAKIM) Sarawak serta YBrs. Encik Omar bin Haji Mahli, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.



CERAMAH PERDANA DAN KURSUS ASAS FARDU KIFAYAH

(PENGURUSAN JENAZAH)

Pada 15 Februari 2025, telah diadakan Ceramah Perdana bertajuk “Mengejar Ganjaran Bulan Ramadan” yang telah disampaikan oleh Ustaz Haji Mohammad Ehsan bin Haji Haidzir. Ceramah tersebut sarat dengan pelbagai perkongsian dan pengisian bermanfaat sebagai panduan serta amalan dalam menyambut dan menghayati bulan Ramadan. Seusai ceramah perdana, majlis telah disempurnakan oleh YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar’ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak.

Program diteruskan pada keesokan harinya, 16 Februari 2025. Islam ialah agama yang sempurna, merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia, sama ada duniawi mahupun ukhrawi. Oleh itu, sebahagian umat Islam wajib mendalami ilmu fardu ain dan fardu kifayah sebagai bekalan hidup di dunia dan akhirat.

Pada kesempatan kali ini, JAKIM Sarawak selaku agensi Islam Persekutuan di Sarawak telah mengadakan Kursus Asas Fardu Kifayah (Pengurusan Jenazah) dengan kerjasama Jawatankuasa Pengurusan Surau Darul Iman, Taman Kampung Semerah Padi Fasa II. Penyertaan yang diterima pada kali ini amat menggalakkan dengan kehadiran ramai penduduk tempatan. Kursus Pengurusan Jenazah ini telah disampaikan oleh Ustaz Mohamad Ismail bin Najir Mohamad, Pegawai Agama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Cawangan Sarawak dan Ustazah Sakinah binti Harun selaku Penceramah Sambilan. Pelbagai ilmu dan panduan telah dikongsi oleh penceramah bersama peserta sebagai persediaan dalam melaksanakan pengurusan jenazah dengan tertib dan sempurna mengikut syariat Islam.

CERAMAH PERDANA SEMPENA MAJLIS TILAWAH & MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT SARAWAK KALI KE-64 TAHUN 1446H/2025M







MASJID NURUL HUDA, KAMPUNG ENSENGEI, DAERAH GEDONG

19 Februari 2025 - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak dan Pejabat Agama Islam Bahagian Samarahan telah mengadakan Ceramah Perdana "Ramadan Al-Mubarak: Bulan Al-Quran & Pengampunan sempena Majlis Tilawah & Menghafaz Al-Quran Peringkat Sarawak Kali Ke-64 Tahun 1446H/2025M bertempat di Masjid Nurul Huda, Kampung Ensengei, Daerah Gedong.
Ceramah Perdana kali ini telah disampaikan oleh YBrs. Ustaz Haji Bahrin bin Haji Kawi, Pegawai Agama Islam Bahagian Samarahan.







MASJID DARUL HIDAYAH, KAMPUNG SERUYUK, DAERAH SEBUYAU

22 Februari 2025 - JAKIM Sarawak dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak dan Pejabat Agama Islam Bahagian Samarahan telah mengadakan Ceramah Perdana "Ramadan & Al Quran: Menyucikan Jiwa, Menguatkan Iman Sempena Majlis Tilawah & Menghafaz Al-Quran Peringkat Sarawak Kali Ke-64 Tahun 1446H/2025M bertempat di Masjid Darul Hidayah, Kampung Seruyuk, Daerah Sebuyau.
Ceramah Perdana kali ini telah disampaikan oleh YBrs. Ustaz Mohd. Fadilah bin Junaidi, Penyelaras Takmir Negeri Sarawak.



MAJLIS PELANCARAN RAMADAN *RELIEF* MAYBANK ISLAMIC 2025M/1446H







Pada 22 Februari 2025M bersamaan 23 Syaaban 1446H, telah berlangsung Majlis Pelancaran Ramadan *Relief* 2025M/1446H anjuran HIKMAH dengan kerjasama Maybank Islamic. Majlis ini diadakan di Batu 24, Jalan Kuching-Serian, yang dahulunya merupakan Pusat Latihan Dakwah HIKMAH.

Majlis bermula pada jam 8.30 pagi dengan kehadiran tetamu kehormat serta para jemputan daripada pelbagai agensi dan institusi Islam. Program tahunan ini diadakan bersempena dengan ketibaan bulan Ramadan dan bertujuan untuk menyantuni golongan yang memerlukan melalui sumbangan kebajikan serta bantuan kemanusiaan.

Ucapan alu-aluan disampaikan oleh wakil HIKMAH yang menekankan kepentingan program ini dalam meringankan beban masyarakat yang kurang berkemampuan. Wakil daripada Maybank Islamic turut memberikan penerangan mengenai peranan institusi perbankan Islam dalam menyokong inisiatif kebajikan serta keberkatan memberi sumbangan pada bulan yang mulia ini.

Majlis diteruskan dengan gimik pelancaran yang menandakan permulaan kempen Ramadan Relief 2025. Simbolik penyerahan sumbangan kepada penerima pertama turut diadakan, menggambarkan komitmen penganjur dalam memastikan bantuan sampai kepada golongan sasaran.

MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN (DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT) IKMAS

Majlis Khatam Hafazan Al-Quran IKMAS (Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat), Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), telah diadakan pada 21 Februari 2025 bertempat di Dewan Kenyalang, IKMAS 1. Majlis ini merupakan pengiktirafan terhadap usaha gigih dan komitmen para pelajar dalam menuntut ilmu agama, khususnya dalam bidang tahfiz al-Quran.

Majlis Khatam Hafazan Al-Quran kali ini dipimpin oleh Ustaz Mohd Hanafi bin Yusop. Seramai 6 orang pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat Semester 6 telah berjaya menamatkan hafalan al-Quran. Atur cara diteruskan dengan tayangan video montaj, diikuti ucapan wakil pelajar tahun akhir Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat (DTQ) IKMAS, seterusnya majlis perasmian.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Ustazah Zaizurina binti Mansor, Pengarah IKMAS. Turut hadir ialah YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak, YBrs. Ustazah Ariffi Idawati binti Zainudin, Timbalan Pengarah IKMAS, kakitangan IKMAS serta ibu bapa yang diraikan.



MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN PERINGATAN HARI ANTIDADAH TAHUN 2025



21 Februari 2025 – Penyampaian Sijil Penghargaan "Rakan Strategik" disampaikan oleh YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak.









FORUM HAL EHWAL ISLAM SARAWAK TAHUN 2025 (FORHEIS '25)



21 Februari 2025, Simunjan – Buat julung-julung kalinya, Forum Hal Ehwal Islam Sarawak 2025 (FORHEIS '25) telah diadakan di Masjid Darul Hijrah, Simunjan. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak serta JKP Masjid Darul Hijrah, Simunjan, bersempena Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Sarawak Kali Ke-64 Tahun 1446H/2025M.



Forum ini menampilkan dua ahli panel yang tidak asing lagi di Sarawak, iaitu YBrs. Sahibus Siyadah Ustaz Haji Mual bin Haji Suaud, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak dan YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak. YBrs. Ustaz Suharman bin Haji Edward, Ketua Bahagian Dakwah JAIS, selaku moderator forum.



Turut memeriahkan majlis ialah YBhg. Temenggong Haji Chek bin Bujang, YBrs. Rafendy bin Ariffen, Pegawai Khas Wakil YB Awla bin Dris, Ahli Dewan Undangan Negeri N25 Simunjan, YBrs. Ustaz Bahrin bin Kawi, Pegawai Agama Islam Bahagian Samarahan serta YBrs. Tuan Kamel bin Nor, Pengerusi Masjid Darul Hijrah, Simunjan.

FORUM PERDANA EHWAL ISLAM "MENYEMAI PERPADUAN DALAM KEBERKATAN RAMADAN" SEMPENA ZIARAH MAHABBAH MAJLIS ISLAM SARAWAK













FEBRUARI

MAJLIS PERASMIAN TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT SARAWAK KALI KE-64







Majlis Perasmian Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Sarawak Kali Ke-64 telah berlangsung dengan jayanya pada 24 Februari 2025, bertempat di Dewan Suarah, Kota Samarahan.

Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Kali Ke-64 ini telah dirasmikan oleh YAB Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg.

Acara ini berlangsung sehingga 27 Februari 2025 dengan penyertaan seramai 45 peserta, terdiri daripada 12 qari, 11 qariah, 15 peserta hafazan lelaki dan 7 peserta hafazan perempuan dari seluruh Sarawak. Turut hadir YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak.



KUNJUNG HORMAT KE JABATAN ARKIB NEGARA MALAYSIA SARAWAK





Pada 25 Februari 2025, YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBrs. En. Afham Jauhari bin Aldi, Pengarah Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk meningkatkan hubungan strategik dan kerjasama antara JAKIM Sarawak dan Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak.

Semasa kunjungan tersebut, lawatan berpandu dan sesi taklimat ringkas telah diadakan oleh Pengarah Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak mengenai fungsi, peranan dan perkhidmatan yang disediakan, khususnya dalam pengurusan dokumen lama dan penyimpanan bahan arkib.

KURSUS KEPIMPINAN & KEM IBADAH

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama Urusetia Saudara Kita (USK) Bahagian Miri telah menganjurkan Kursus Kepimpinan dan Kem Ibadah yang bertempat di Pejabat USK Miri Cawangan Lutong pada 26 Februari 2025.

Kursus ini menampilkan Ustazah Shafini Abdul Gani sebagai penceramah utama yang menyampaikan pengisian berkaitan kepimpinan dan ibadah dalam kehidupan seharian. Turut hadir Encik Amirul, Pengerusi USK Miri. Kursus ini telah disertai oleh Saudara Kita bahagian Miri.











PROGRAM KONGSI ILMU DAN FORUM PERDANA IHYA' RAMADAN







27 FEBRUARI 2025

Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah mengadakan Program Perkongsian Ilmu Siri 2/2025 bertempat di Surau Darul Ibadah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak.







27 FEBRUARI 2025

Forum Hal Ehwal Islam sempena Ihya' Ramadan telah diadakan di Masjid Darul Iman, Daerah Bau yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak dengan kerjasama JAKIM Sarawak dan JKP Masjid Darul Iman, Daerah Bau.



MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN MAJLIS ISLAM SARAWAK





Majlis Penyampaian Sumbangan Majlis Islam Sarawak kepada masjid, surau dan tanah perkuburan Islam tahun 1446H/2025M telah diadakan pada 27 Februari 2025 bertempat di Dewan Kompleks Islam Sarawak.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti) Sarawak. Pada majlis tersebut, beliau juga mengumumkan bahawa kadar zakat fitrah bagi umat Islam di Sarawak bagi tahun 1446H/2025M adalah sebanyak RM7.50 seorang. Turut hadir YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA BAHAGIAN DASAR KEMAJUAN ISLAM (JAKIM)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah menerima kunjungan hormat daripada Bahagian Dasar Kemajuan Islam (JAKIM) pada 27 Februari 2025.

Pada kunjungan tersebut, YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak telah memberikan penerangan secara ringkas mengenai peranan dan hala tuju JAKIM Sarawak.

Dalam pada itu, YBrs. Ustazah Salwana binti Ahmad Dahlan, Pengarah Bahagian Dasar Kemajuan Islam (JAKIM) menyambut baik untuk membuka ruang dan peluang kerjasama antara kedua-dua pihak.

Kunjungan hormat ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dan diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada kerjasama yang lebih erat antara BDKI JAKIM dan JAKIM Sarawak.



FEBRUARI

MAJLIS PENUTUPAN TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT SARAWAK KALI KE-64







Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Sarawak Kali ke-64 Tahun 1446H/2025M yang diadakan di Dewan Suarah Kota Samarahan, telah melabuhkan tirainya pada 27 Februari 2025.

Majlis penyampaian hadiah sempena Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Sarawak Kali ke-64 Tahun 1446H/2025M telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

Kejayaan majlis ini membuktikan komitmen tinggi masyarakat Sarawak dalam memartabatkan al-Quran sebagai panduan hidup. Semoga majlis seumpama ini terus diadakan pada masa akan datang bagi melahirkan lebih ramai generasi muda yang cintakan al-Quran.



YANG DIPERTUA NEGERI SARAWAK SANTUNI RAKYAT

Kuching, 4 Mac 2025 - Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar serta isteri, Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah binti Mohd Sanusi, telah menghadiri Majlis Bersungkei di Astana Negeri Sarawak semalam.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh pegawai dan kakitangan jabatan serta YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak.





CERAMAH AGAMA SEMPENA BULAN RAMADAN DI LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) NEGERI SARAWAK





MAJLIS SAMBUTAN IHYA' RAMADAN JAKIM SARAWAK
TAHUN 1446H/2025M





Pada 7 Mac 2025, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah mengadakan Program Agihan Kurma dan Bubur Pedas sempena Majlis Sambutan Ihya' Ramadan JAKIM Sarawak Tahun 1446H/2025M.

Program ini merupakan salah satu inisiatif JAKIM Sarawak dalam menyemarakkan bulan Ramadan 1446H/2025M. Program ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara JAKIM Sarawak dengan komuniti setempat, di samping mempromosikan semangat berkongsi dan prihatin dalam kalangan masyarakat.

Akhir sekali, diharapkan agar program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memastikan hubungan erat antara JAKIM Sarawak dengan komuniti setempat terus terjalin.







MAJLIS AGIHAN BUBUR PEDAS KEJIRANAN MESRA DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA





Pada 8 Mac 2025M bersamaan 7 Ramadan 1446H, Dewan Bandaraya Kuching Utama (DBKU) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah melaksanakan Majlis Agihan Bubur Pedas Kejiranan Mesra DBKU dengan kerjasama Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak, Tabung Baitulmal Sarawak, Mydin serta agensi lain di Kompleks Sukan Satok, Jalan Muhibbah.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YB Datuk Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen P194 Petra Jaya, YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak, YB Dato' Haji Ibrahim bin Haji Baki, Ahli Dewan Undangan Negeri N.8 Satok, YBhg. Dato' Haji Hilmy bin Haji Othman, Datuk Bandar Kuching Utara serta YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak.

Pihak JAKIM Sarawak ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Lensa

SAFARI RAMADAN TAHUN 1446H/2025M















Lensa

SAFARI RAMADAN TAHUN 1446H/2025M
















MAJLIS IFTAR MADANI JAKIM SARAWAK BERSAMA WARGA PUSAT PEMILIHAN DALAM KOMUNITI (PDK) DAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM) DAERAH LAWAS 1446H/2025M





14 Mac 2025M bersamaan 13 Ramadan 1446H, Majlis Iftar Madani Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak bersama warga Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Daerah Lawas telah diadakan di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Lawas bermula pada jam 5 petang. Program ini dihadiri seramai 400 orang yang terdiri daripada warga PDK, PERKIM dan Persatuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) Lawas. Pengisian majlis dimulakan dengan tazkirah oleh Ustaz Mohd. Fadilah bin Junaidi, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak, yang menyampaikan nasihat mengenai keberkatan bulan Ramadan dan pentingnya berbuka puasa secara berjemaah.

Program diteruskan dengan ucapan aluan daripada YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak, yang menekankan kepentingan silaturahim antara komuniti dan pihak JAKIM. Seterusnya, YBhg. Dato' Dayang Morliah Datuk Awang Daud, Penaung PPDK Lawas dan Pengerusi PERKIM Lawas, memberikan amanat serta mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, khususnya kepada JAKIM Sarawak dan berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan pada tahun mendatang.

Sebagai simbol kasih sayang, sumbangan Bakul Raya turut diserahkan kepada warga pelatih PPDK Lawas.







PROGRAM IFTAR PERDANA BORNEO DI MASJID SAHABAT, MERAPOK-SINDUMIN 1446H/2025M





Program Iftar Perdana Borneo di Masjid Sahabat, Merapok-Sindumin telah dilaksanakan dengan jayanya pada 15 Mac 2025, melibatkan seramai kira-kira 1,000 orang daripada masyarakat awam sekitar Sarawak dan Sabah.

Program bermula pada pukul 5 petang dengan Ceramah Khas Perdana yang disampaikan oleh YBhg. Datu Khalidi bin Haji Ibrahim, Pakar Rujuk Syariah, Jabatan Mufti Sarawak, bersama moderator YBrs. Ustaz Sheikh Hadzrei Adam bin Seberi, Pengarah Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Lawas. Ceramah ini memberikan pencerahan mengenai kelebihan bulan Ramadan serta aspek keagamaan yang berkaitan.

Setelah ceramah, majlis diteruskan dengan ucapan aluan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, YBhg. Kolonel Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, diikuti dengan ucapan amanat oleh YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak. Beliau yang juga memegang jawatan sebagai Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar II serta Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak, menekankan kepentingan kerjasama antara rakyat dalam menjaga keharmonian dan pembangunan negeri. Majlis turut diserikan dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu khas dan sesi fotografi.

Acara seterusnya ialah azan Maghrib, diikuti dengan solat Maghrib berjemaah dan jamuan berbuka puasa (sungkai). Majlis diteruskan dengan solat Isyak berjemaah dan solat sunat Tarawih berjemaah. Program diakhiri dengan jamuan moreh dan selesai selepas solat Tarawih.

Program Iftar Perdana Borneo ini bukan sahaja memberi peluang kepada umat Islam untuk berbuka puasa secara berjemaah, tetapi juga mengukuhkan silaturahim antara masyarakat Sarawak dan Sabah, sekaligus memberikan manfaat kepada semua yang hadir.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN & IFTAR PERDANA







Majlis Khatam Al-Quran dan Iftar Perdana bersama Warga Kompleks Penjara Puncak Borneo Kuching anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dan Kompleks Penjara Puncak Borneo Kuching pada 18 Mac 2025.



Program Khatam Al-Quran dan Iftar Perdana Madani anjuran Masjid Darul Naim, MARITIM (KOMTAS) dengan kerjasama JAKIM Sarawak tahun 2025M/1446H pada 20 Mac 2025.







PROGRAM KEMBARA KASIH MADANI "UNITY CREATES HARMONY" DI DAERAH KECIL BARIO 2025M/1446H





Program Kembara Kasih Madani “Unity Creates Harmony” di Daerah Kecil Bario, Sarawak telah diadakan pada 20 hingga 21 Mac 2025 dengan kerjasama strategik Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Lembaga Tabung Haji Sarawak, Urusetia Saudara Kita (USK) – Majlis Islam Sarawak Cawangan Bario dan Harakah Islamiah (HIKMAH).

Program ini berjaya mengeratkan lagi kerjasama strategik antara agensi kerajaan, khususnya Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Angkatan Tentera Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak, dalam memperkukuh silaturahim dengan penduduk pedalaman Sarawak. Selain itu, program ini turut meningkatkan elemen kerohanian dalam kalangan anggota tentera dan komuniti Islam Bario melalui pelbagai aktiviti keagamaan.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program adalah gotong-royong memasak dan agihan Bubur Asyura, majlis berbuka puasa, sumbangan Kasih Aidilfitri, singgah sahur bersama anggota tentera yang bertugas di Pos Bario dan lawatan kepada agensi-agensi kerajaan di Bario. Hadir menyerikan program sebagai tetamu kenamaan ialah YBhg. Dato Ahmad Nadzri bin Mohd Hasan, Setiausaha Persekutuan Sarawak, YBhg. Brigadier Jeneral Jafri bin Sulaiman, Panglima 9 Brigade, Angkatan Tentera Malaysia, YBrs. Tuan Haji Amat Kassim bin Pait, Pengarah Lembaga Tabung Haji Negeri Sarawak serta Ustaz Mohammad Shahtella bin Montel mewakili Pengarah JAKIM Sarawak.

Program ini bukan sahaja memberi peluang kepada komuniti dan anggota tentera untuk berinteraksi secara erat, tetapi juga menekankan nilai kasih sayang, kerjasama dan silaturahim di pedalaman Sarawak

PROGRAM IFTAR JAMAIE BERSAMA KOMUNITI TAHUN 1446H/2025M

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama strategik Lembaga Amanah Kebajikan Islam Lundu (LAKIL) dan Jawatankuasa Pengurusan Surau Baitul Quddus, Kampung Pueh Sematan telah mengadakan Program Iftar Jamaie Bersama Komuniti Tahun 1446H/2025M pada 23 Mac 2025 bertempat di Surau Baitul Quddus, Kampung Pueh Sematan.

Program Iftar Jamaie ini dianjurkan sebagai salah satu inisiatif untuk memperkasa semangat Ramadan dalam kalangan masyarakat dan memberi bantuan kepada asnaf serta masyarakat setempat di samping mengeratkan silaturahim antara agensi kerajaan, NGO dan komuniti.

YBhg. Datin Patinggi Datuk Amar Hajah Jamilah binti Haji Anu, Pengerusi Lembaga Amanah Kebajikan Islam Lundu (LAKIL) hadir selaku tetamu kehormat sekaligus telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Bakul Kasih Ramadan kepada penerima terpilih. Turut hadir bersama YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak, Encik Muhammad Aniszan Mahadi bin Abdullah, Pengerusi Surau Baitul Quddus, Kpg. Pueh Sematan dan Ustaz Haji Abdul Halim bin Sahak, HIKMAH Cawangan Lundu.







PROGRAM WORLD QURAN HOUR







PENGARAH JAKIM SARAWAK SANTUNI WARGA SK TELAGA AIR


YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah menghadiri Majlis Penangguhan Program Ihya' Ramadan dan Penyerahan Sumbangan Bakul Kasih Ramadan bertempat di Dewan Ijtima' Sekolah Kebangsaan Telaga Air pada 27 Mac 2025.





MAJLIS PERASMIAN KURSUS PERDANA HAJI PERINGKAT NEGERI SARAWAK (ZON SELATAN) MUSIM HAJI 1446H/2025M







PROGRAM ZIARAH IMARAH MASJID MADANI BAHAGIAN KUCHING





Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak menerusi program-program pengimarahan masjid telah mengadakan Program Ziarah Imarah Masjid Madani Bahagian Kuching. Pada 25 April 2025, Masjid Darul Ehsan, Kampung Sejingkat telah dipilih sebagai destinasi kali ini.

Objektif program ini adalah untuk menyantuni jemaah yang hadir menunaikan solat fardu Jumaat. Agihan jamuan pek makanan kepada jemaah melengkapkan atur cara program ziarah kali ini.

APRIL

PROGRAM ZIARAH KASIH AL-FALAH MADANI BERSAMA KOMUNITI TAHUN 2025



26-27 April 2025





Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah mengadakan Program Ziarah Kasih Al-Falah Madani Bersama Komuniti Tahun 2025 bertempat di Surau Baitul Quddus, Kampung Pueh, Sematan, pada 26 hingga 27 April 2025.

Program ini ialah inisiatif pihak JAKIM Sarawak dan Jawatankuasa Pengurusan Surau Baitul Quddus, Kg. Pueh, Sematan bagi memperkukuh hubungan dengan komuniti setempat melalui aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.

Program ini juga dilaksanakan sebagai salah satu usaha bagi memastikan masjid dan surau berfungsi sebagai pusat pembangunan ummah yang holistik. Hadir menyerikan program ialah YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak, Encik Muhammad Aniszan Mahadi bin Abdullah, Pengerusi Surau Baitul Quddus, Kg. Pueh, Sematan dan Ustaz Haji Abdul Halim bin Sahak, HIKMAH Cawangan Lundu.



SEMINAR KESEDARAN ISU SOSIAL SARAWAK TAHUN 2025 "LELAKI QAWWAM, WANITA TERPELIHARA"











KUNJUNGAN HORMAT KEPADA PENGARAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA WILAYAH SARAWAK

Pada 6 Mei 2025, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Wilayah Sarawak di Pejabat KWSP Simpang Tiga pada hari ini. Kunjungan ini diadakan bagi menjalin hubungan strategik antara agensi Islam Persekutuan di Sarawak dengan badan berkanun seperti KWSP, khususnya dalam pelaksanaan pelbagai program serta pendedahan manfaat caruman KWSP, sama ada kepada warga kerja jabatan mahupun masyarakat amnya.

Pihak jabatan telah dikongsi beberapa manfaat caruman bagi pencarum KWSP oleh pihak KWSP Wilayah Sarawak disamping pendedahan dan galakan kepada semua pencarum untuk mendaftar akaun Syariah KWSP.

OPERASI HAJI TANAH AIR (OHTA) TAHUN 2025M/1446H



Sinergi kerjasama bersama Lembaga Tabung Haji Sarawak pada 9 hingga 13 Mei 2025













KURSUS KESEMPURNAAN SOLAT TAHUN 2025

10 Mei 2025

Masjid Darul Falah, Kampung Jaya Bakti, telah menjadi lokasi penganjuran Kursus Kesempurnaan Solat Tahun 2025 yang berlangsung dengan jayanya pada 10 Mei 2025. Program ini, anjuran Jawatankuasa Pengurusan Masjid Darul Falah dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak, berjaya menarik penyertaan yang amat menggalakkan, khususnya dalam kalangan penduduk Kampung Jaya Bakti, Kampung Sri Kandung dan Kampung Sungai Rayu.

Pengisian utama kursus ini telah disampaikan oleh Ustaz Mohd. Firdaus bin Ahmat dari Bahagian Pembangunan Insan JAKIM Sarawak. Bagi menjayakan kursus ini, penerangan berkaitan dengan sifat solat Nabi Muhammad SAW telah diketengahkan, dalam masa yang sama penjelasan mengenai rukhsah wuduk dan solat turut dikongsikan bagi menambahkan lagi tahap pengetahuan dan kefahaman para peserta. Perjalanan program kali ini turut disemarakkan dengan sesi soal jawab, bagi memberi ruang kepada peserta untuk mengemukakan persoalan berkaitan permasalahan wuduk dan solat yang sering dihadapi dalam kehidupan seharian.

Program ini turut dimeriahkan dengan kehadiran pemimpin komuniti setempat, termasuk Ketua Kaum Kampung Jaya Bakti, Ketua Kaum Kampung Sungai Rayu, Pengerusi Masjid Darul Falah dan Pengerusi Surau Kampung Sri Kandung. Kehadiran mereka membuktikan sokongan padu terhadap usaha memperkasakan kefahaman dan pengamalan solat dalam kalangan masyarakat.

PROGRAM ZIARAH IMARAH MASJID MADANI BAHAGIAN MIRI

Masjid Jamal Addin, Taman Jelita







Masjid Darul Iman, Kampung Tudan











PROGRAM SAHABAT MARITIM (PSM) & HARI KESEDARAN KESELAMATAN MARITIM (HKKM) TAHUN 2025

13 Mei 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak, berkolaborasi dengan rakan strategik Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM) Negeri Sarawak, telah mengadakan Program Sahabat Maritim (PSM) dan Hari Kesedaran Keselamatan Maritim (HKKM) Tahun 2025 bertempat di Kampung Telok Melano, Lundu.

Antara pengisian program kali ini ialah aktiviti gotong-royong perdana. Pada sebelah malam pula, telah diadakan kuliah Maghrib yang disampaikan oleh Ustaz Mohamad Ismail bin Najir Mohamad bertempat di Masjid Nurul Naim, Kg. Telok Melano.





PROGRAM TAFAQQUH FIDDIN "FIQH DARAH WANITA DAN PENYUCIAN" DAERAH LUNDU TAHUN 2025M/1446H

15 Mei 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak, dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Bahagian Kuching, telah menganjurkan Program Tafaqquh Fiddin "Fiqh Darah Wanita dan Penyucian" bertempat di SALCRA Bajo Training Centre, Lundu pada 15 Mei 2025. Program ini dianjurkan sebagai satu usaha memperkasakan ilmu fiqh berkaitan wanita, terutamanya berkenaan isu darah haid, nifas dan istihadhah.

Ceramah telah disampaikan oleh Ustazah Ngatijam binti Misau, Ketua Penolong Pengarah Unit Perancangan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Agama Islam Sarawak.

Slot pengisian ceramah terbahagi kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama dimulakan dengan penjelasan mengenai fitrah wanita serta jenis-jenis darah yang mempengaruhi ibadah. Slot kedua diteruskan dengan memfokuskan kepada panduan penyucian dan pelaksanaan ibadah mengikut tatacara yang betul. Pengisian ceramah diakhiri dengan sesi soal jawab, bagi menjawab isu-isu berkaitan yang dihadapi dalam kehidupan seharian.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai matlamat utamanya iaitu memberikan pemahaman yang lebih jelas dan tepat berkaitan hukum-hakam fiqh wanita, khususnya dalam konteks darah yang berkait rapat dengan pelaksanaan ibadah.





JALINAN KERJASAMA JAKIM SARAWAK DAN AGENSI KERAJAAN





KUNJUNGAN HORMAT
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN





KUNJUNGAN HORMAT
KOLEJ-UNIVERSITI ICATS



PROGRAM UNDERSTANDING ISLAM 2025 : HOW TO BE A GOOD MUSLIM





14 Mei 2025

Program Understanding Islam 2025: How to Be a Good Muslim telah berjaya dilaksanakan pada 14 hingga 18 Mei 2025. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman peserta terhadap asas-asas ajaran Islam serta memperkukuhkan amalan kehidupan sebagai seorang Muslim yang baik.

Antara pengisian utama adalah ceramah ilmiah, forum interaktif, bengkel ibadah dan lawatan ke rumah-rumah ibadat.

Program ini telah menerima sambutan yang menggalakkan, dengan penyertaan lebih daripada 60 orang yang terdiri daripada negara Thailand, Laos, Myanmar, Indonesia, Brunei dan Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini, khususnya *Regional Islamic Da'wah Council of Southeast Asia & the Pacific (RISEAP)* dan Pusat Penerangan Islam, Majlis Islam Sarawak. Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang demi pembangunan ummah yang lebih cemerlang.

KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM SIRI 1/2025 1 DIVISYEN







24 Mei 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama strategik Divisyen Pertama Infantri (1 Div) telah mengadakan Kursus Pra Perkahwinan Islam Siri 1/2025 1 Divisyen bertempat di Dewan Serbaguna, Kem Muara Tuang pada 24 hingga 25 Mei 2025.

Objektif penganjuran kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan dan bimbingan tentang peranan setiap individu dalam sesebuah keluarga sebagai satu institusi bagi melahirkan keluarga yang sejahtera.

Majlis perasmian penangguhan telah disempurnakan oleh YBrs. Kolonel Rosezaimee bin Ismail @ Abdullah, Ketua Staf Markas Divisyen Pertama Infantri Malaysia. Turut hadir bersama, YBrs. Ustaz Mohammad Shahtella bin Montel, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak dan YBrs. Leftenan Kolonel Sazali bin Mat Nayan, Pegawai Staf 1 Agama Markas 1 Divisyen.



KURSUS PEMANTAPAN PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) KONTINJEN SARAWAK





28 Mei 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard IPK Sarawak dan Pusat Penerangan Islam telah mengadakan kursus Pemantapan Pegawai Hal Ehwal Islam Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Sarawak bertempat di Pusat Penerangan Islam Sarawak.

Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran dan penguasaan ilmu seperti bacaan doa dan al-Quran serta khutbah dalam kalangan Pegawai Hal Ehwal Islam dan melahirkan pegawai yang berdisiplin, berkemahiran dan berketerampilan dalam menjalankan tugas sebagai KADER di jabatan atau kementerian.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ustaz Mohammad Shahtella bin Montel mewakili Pengarah JAKIM Sarawak. Turut hadir YDH ACP Roselina binti Daud, Ketua Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard Kontinjen Sarawak, YBrs. Tuan Tazudin Mohtar, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Penerangan Islam dan YBrs. Ustaz Ainuddin bin Haji Dolhakim, Ketua Cawangan Agama IPK Sarawak

PROGRAM ZIARAH IMARAH MASJID MADANI TAHUN 2025M/1446H













PROGRAM IBADAH KORBAN PERDANA PERINGKAT DAERAH LUNDU TAHUN 2025



8 Jun 2025

Program Ibadah Korban Perdana Peringkat Daerah Lundu Tahun 2025 telah dilaksanakan serentak di empat zon berasingan iaitu di Kampung Stoh (Zon Sampadi), Dewan Kampung Siru Melayu (Zon Sematan), Masjid Ikhawanil Muslimin, Kampung Sekambal Melayu (Zon Pandan) dan Masjid An-Nur, Kampung Stunggang Melayu (Zon Lundu).

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia merangkap Ahli Parlimen P193 Santubong bertempat di Masjid An-Nur, Kampung Stunggang Melayu, Lundu.



Turut hadir ialah YB Tuan Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan, ADUN N3 Tanjong Datu, YBhg. Datin Patinggi Datuk Amar Hajah Jamilah binti Haji Anu, Pengerusi Lembaga Amanah Kebajikan Islam Lundu (LAKIL), YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak, YBrs. Ustaz Helmi bin Dato' Nahrawi, Pegawai Agama Islam Bahagian Kuching, Tuan Haji Awg. Yusuf bin Awg. Mostapha, Pegawai Daerah Lundu serta Puan Hajah Norashikin binti Brahim, Setiausaha Majlis Daerah Lundu.



PROGRAM IBADAH KORBAN HOSPITAL UMUM SARAWAK TAHUN 2025M/1446H





9 Jun 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak bersama dengan Hospital Umum Sarawak telah terlibat dengan Program Ibadah Korban Hospital Umum Sarawak Tahun 2025M/1446H .

Program diteruskan dengan menjemput YBhg. SAC Rizal bin Abd Rahman Sidek, Ketua Jabatan Pengurusan PDRM IPK Sarawak, YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak, YBrs. Encik Fhairoldillah bin Salleh, Branch Manager CO-OPBANK Pertama serta YBrs. Dr. Adam Malik bin Ismail, Pengerusi Persatuan Kebajikan Islam (PERKIP) Cawangan HUS bagi menyempurnakan penyerahan agihan daging korban.

Majlis diteruskan dengan pengagihan daging korban kepada golongan asnaf dan staf Hospital Umum Sarawak, melibatkan 100 orang penerima serta 75 petugas ibadah korban, dengan simbolik penyampaian diberikan kepada 22 orang penerima.

MAHRAJAN PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH-SEKOLAH (MPISS) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2025M/1446H



13-15 Jun 2025





Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama strategik Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah berjaya menjalankan program Mahrajan Pendidikan Islam Sekolah-sekolah (MPISS) yang memberikan impak yang positif dalam mencungkil bakat dan minat para pelajar. Program ini telah diadakan pada 13 hingga 15 Jun 2025 bertempat di Bahagian Sri Aman.

Objektif program ini juga memberi kesinambungan kepada program yang sebelum ini dinamakan Majlis Tilawah Al-Quran dan Hafazan Peringkat Sekolah-Sekolah. Penjenamaan semula program ini memberikan kesan positif dalam nilai dan adab dalam kalangan pelajar, di samping memupuk kreativiti tersendiri khususnya kepada pelajar Islam di setiap sekolah di seluruh Malaysia.

Majlis diserikan dengan kehadiran Pengarah JAKIM Sarawak, YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, turut hadir bersama YBrs. Ustaz Haji Hosen bin Marip, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

JUN

KURSUS SAHSIAH DAIE BERKUALITI SIRI 1 MALAYSIA MADANI 2025 DAERAH KABONG









19-22 Jun 2025

Kursus Sahsiah Daie merupakan satu bentuk latihan pembangunan diri yang direka khusus untuk melahirkan pendakwah atau daie yang berintegriti, berakhlak mulia, dan berwibawa dalam menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat. Kursus ini memberi penekanan kepada pembinaan sahsiah peribadi, kefahaman agama yang mendalam serta kemahiran komunikasi yang berkesan.

Objektif kursus ini adalah untuk membentuk peribadi pendakwah yang berdisiplin, jujur, dan beramanah. Kursus ini juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tentang peranan daie dalam masyarakat serta melatih peserta supaya bersikap empati, terbuka, dan berhemah dalam menyampaikan dakwah.

Secara keseluruhannya, kursus ini berjalan dengan lancar serta mendapat sambutan yang amat menggalakkan dalam kalangan peserta. Semangat kebersamaan dan pengisian rohani yang dibawakan melalui program ini telah memberi impak positif dalam memupuk kesedaran tentang pentingnya perubahan diri, masyarakat dan institusi ke arah kebaikan. Diharapkan kursus seperti ini dapat diteruskan sebagai salah satu usaha memperkasakan penggerak masyarakat saudara kita dalam mendidik serta memimpin masyarakat.

KURSUS KEPIMPINAN ISLAM DAN PEMANTAPAN AKIDAH DAERAH JULAU MALAYSIA MADANI TAHUN 2025

22 Jun 2025

Telah berlangsung Kursus Kepimpinan Islam dan Pemantapan Akidah Daerah Julau bertempat di Masjid Nurul Hidayah, Julau. Program ini merupakan salah satu inisiatif ke arah memperkasa komuniti Islam tempatan di bawah agenda Malaysia MADANI yang mementingkan nilai integriti, kepimpinan, dan kefahaman akidah yang jitu. Sasaran utama kursus ini ialah komuniti Islam daerah Julau serta pelajar Muslim di sekitar kawasan berkenaan.

Program dimulakan dengan sesi ceramah bertajuk "Kepimpinan dalam Islam" yang disampaikan oleh Ustaz Mohamad Ismail bin Najir Mohamad, KADER JAKIM di Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Dalam pengisian tersebut, beliau menekankan ciri-ciri kepimpinan yang berteraskan akhlak Rasulullah SAW seperti amanah, adil, bertanggungjawab, dan berwawasan. Para peserta diberi pendedahan tentang peranan individu Muslim sebagai pemimpin dalam pelbagai lapisan masyarakat termasuk dalam keluarga, komuniti dan organisasi.

Sesi kedua diteruskan dengan topik "Pemantapan Akidah" yang memberi fokus kepada asas kepercayaan dalam Islam serta ancaman semasa terhadap akidah umat. Para peserta diberi penjelasan tentang kepentingan memelihara iman daripada fahaman dan amalan yang menyimpang daripada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sesi ini mendapat sambutan yang baik, khususnya daripada golongan muda yang menunjukkan minat untuk memahami isu semasa berkaitan akidah.

Majlis diakhiri dengan ucapan penangguhan oleh YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak. Beliau menyatakan penghargaan atas komitmen bersama para peserta serta menekankan kepentingan kursus seumpama ini sebagai wadah untuk memperkukuh jati diri Muslim dalam era globalisasi. Beliau turut menyeru agar ilmu yang diperoleh, diaplikasikan dalam kehidupan seharian demi membina masyarakat Islam yang berilmu, bersatu dan berakhlak tinggi selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.









FORUM PERDANA EHWAL ISLAM SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT SARAWAK TAHUN 1447H/2025M





25 Jun 2025

Forum Perdana Ehwal Islam diadakan di Masjid Darul Hidayah, Kidurong, Bintulu, pada 25 Jun 2025. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak, Jabatan Agama Islam Sarawak, dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid Darul Hidayah, Kidurong, Bintulu, bersempena Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Sarawak Tahun 1447H/2025M.

Forum ini menampilkan tiga ahli panel yang tidak asing lagi di Sarawak iaitu YBhg. Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Sarawak, YBrs. Sahibus Siyadah Ustaz Haji Mual bin Haji Suaud, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak dan YBhg. Prof. Dr. Haji Abdul Halim bin Busari, Pengarah Pusat Kepimpinan UNIMAS. Sementara itu, YBrs. Ustaz Dzulhazri bin Japar Shedik, Pegawai Agama Islam Bahagian Bintulu, bertindak sebagai moderator forum.

Turut hadir Ustaz Dr. Hasfa Bakhry bin Hassan, Penolong Pengarah Kanan, JAKIM Sarawak mewakili Pengarah JAKIM Sarawak serta Tuan Haji Omar bin Haji Latip Pengerusi Masjid Darul Hidayah, Kidurong, Bintulu.

Forum bertajuk "Ummah Maju Makmur" membincangkan cara untuk melahirkan ummah rabbani yang akan membina sebuah negeri dan negara yang maju makmur.

IHTIFAL LUGHOWI SEKOLAH-SEKOLAH (ILSS) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2025M/1446H







27 Jun 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama strategik bersama Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Sarawak telah berjaya melaksanakan satu program yang memberikan impak positif dalam mencungkil bakat dan minat para pelajar. Program ini telah diadakan pada 27 hingga 29 Jun 2025 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Matang 2, Kuching.

Majlis diserikan dengan kehadiran Penolong Pengarah Kanan JAKIM Sarawak, Ustaz Dr. Hasfa Bakhry bin Hassan mewakili Pengarah JAKIM Sarawak. Turut hadir bersama YBrs. Ustaz Haji Sulaiman bin Hasim, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Sarawak yang turut mewakili Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.



FESTIVAL MAAL HIJRAH 1447H/2025M





29 Jun 2025

Festival Maal Hijrah 1447H/2025M telah diadakan di Masjid Jamek Negeri Sarawak. Festival ini merupakan acara tahunan yang dirancang bagi menyemarakkan sambutan Maal Hijrah serta memperkukuhkan kefahaman masyarakat Islam terhadap makna dan nilai-nilai hijrah dalam kehidupan seharian.

Majlis bermula dengan ucapan aluan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain, Setiausaha Kehormat Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS).

Majlis penangguhan telah disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) yang hadir mewakili YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

CERAMAH AGAMA SEMPENA SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1447H PERINGKAT KAMPUNG BAJO

5 Julai 2025

Sebagai usaha untuk menyemarakkan sambutan Maal Hijrah 1447H, satu Program Ceramah Agama telah berjaya dianjurkan pada 4 Julai 2025 di peringkat Kampung Bajo, dengan kerjasama erat antara JKKK Kampung Bajo, Jawatankuasa Pengurusan Masjid Dinul Huda serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak.

Majlis yang berlangsung dengan penuh penghayatan ini telah menampilkan Ustaz Muhammad Hilal Hamzani bin Ahmad Mukarrom dari Bahagian Pengurusan Halal JAKIM sebagai penceramah jemputan. Dalam ceramah yang disampaikan, beliau menekankan mengenai kepentingan penghijrahan jiwa dan amal ke arah yang lebih baik, selaras dengan semangat Maal Hijrah.

Turut hadir memberi sokongan dan seterusnya menyerikan majlis ini ialah Ketua Kaum Kampung Bajo, Puan Ria Fitriani binti Rabudin, Pengerusi Masjid Dinul Huda, Encik Bujang bin Ini serta wakil daripada JAKIM Sarawak, Ustaz Mohd. Firdaus bin Ahmat.









JULAI

KUNJUNGAN HORMAT BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN, KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) SARAWAK







9 Julai 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah menerima kunjungan hormat daripada pihak Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) Sarawak pada 9 Julai 2025.

Delegasi Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, KDN Sarawak yang diketuai oleh Encik Atom anak Peter, Timbalan Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, KDN Sarawak disambut mesra oleh YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak bersama barisan pegawai kanan jabatan.

Kunjungan ini merupakan platform ke arah memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara agensi persekutuan dalam aspek penguatkuasaan dan keselamatan berkaitan hal ehwal Islam di Sarawak. Pada kunjungan tersebut, turut dibincangkan potensi kerjasama strategik antara kedua-dua pihak dalam penganjuran program dan aktiviti pada masa akan datang.

Kunjungan ini merupakan satu langkah yang amat signifikan dalam memperkukuh jaringan kerjasama antara agensi kerajaan persekutuan di Sarawak. JAKIM Sarawak sekali lagi menyambut baik inisiatif yang diambil oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, KDN Sarawak dalam memperkukuh kerjasama antara agensi.



MAJLIS HI-TEA SEMPENA FESTIVAL MAAL HIJRAH 1447H/2025M





10 Julai 2025

Majlis Hi-Tea sempena Festival Maal Hijrah 1447H/2025M telah berlangsung dengan jayanya pada 10 Julai 2025 bertempat di Bilik Seminar, Baitul Makmur II. Majlis ini diadakan bagi meraikan dan menghargai sumbangan pelbagai pihak, termasuk jabatan kerajaan, agensi swasta serta badan bukan kerajaan (NGO), yang telah memberikan sokongan dalam bentuk kewangan mahupun tenaga dalam melancarkan penganjuran Festival Maal Hijrah tahun ini.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS). Dalam ucapannya, beliau menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang serta menyokong penganjuran festival tersebut.

Majlis diteruskan dengan penyerahan sijil penghargaan kepada wakil jabatan persekutuan dan negeri serta badan bukan kerajaan (NGO) sebagai tanda penghormatan atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan.

MINI KARNIVAL MESRA UMMAH AL-FALAH MALAYSIA MADANI SEMATAN TAHUN 2025

















CERAMAH PERDANA SEMPENA MAJLIS TILAWAH AL-QURAN DAN PERTANDINGAN NASYID PERINGKAT KAKITANGAN JABATAN KESIHATAN SARAWAK

15 Julai 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak, dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, telah mengadakan Ceramah Perdana sempena penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran dan Pertandingan Nasyid Peringkat Kakitangan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, bertempat di Masjid Al-Abyad, Taman Matang Jaya, Kuching.

Majlis yang berlangsung dengan penuh penghayatan ini telah menampilkan Ustaz Mohammad Shahtella bin Montel, Penolong Pengarah Kanan, Kementerian Perladangan dan Komoditi Malaysia sebagai penceramah jemputan. Dalam ceramah yang disampaikan, beliau menekankan mengenai kepentingan penghijrahan jiwa dan amal ke arah yang lebih baik, selaras dengan semangat Maal Hijrah dalam membangun Malaysia Madani.

Turut hadir menyerikan lagi majlis ini ialah Ahli Persatuan Kebajikan Islam Perubatan Sarawak serta wakil daripada JAKIM Sarawak, Encik Muhammad Aliff bin Yusof.







PROGRAM TRAINING OF TRAINER (TOT) PENGUCAPAN AWAM DALAM KONTEMPORARI DAKWAH BAGI WARGA JAKIM SARAWAK SIRI 1













MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN FESTIVAL KESENIAN ISLAM PERINGKAT PENGHUNI JABATAN PENJARA MALAYSIA ZON SARAWAK TAHUN 2025







17 Julai 2025

Majlis Perasmian Penutupan Festival Kesenian Islam Peringkat Penghuni Jabatan Penjara Malaysia Zon Sarawak Tahun 2025 telah berlangsung dengan jayanya pada 17 Julai 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, Penjara Pusat Miri.

Program ini merupakan program tahunan yang dirangka khusus untuk memberi ruang kepada para penghuni institusi pemulihan mengekspresikan kreativiti dan potensi diri melalui pendekatan kesenian berteraskan nilai-nilai Islam serta pembinaan sahsiah murni dalam kalangan penghuni penjara.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YDH Tuan TKJP Haji Ahmad Fauzi bin Awang, Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Pemasyarakatan). Beliau diiringi oleh YDH Tuan TKP Teyun Thian Eim, Pengarah Penjara Negeri Sarawak serta YDH Tuan TKP Zaidi bin Hamid, Pengarah Bahagian Agama dan Kaunseling. Turut hadir bersama YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak selaku tetamu jemputan khas.

PROGRAM INOVASI BELIA TAHUN 2025 DEWAN SERBAGUNA RANCAN, SERIAN

26 Julai 2025

Program Inovasi Belia Tahun 2025 telah berjaya dilaksanakan di Dewan Serbaguna Ranchan, Bahagian Serian, pada 26 Julai 2025, dengan penyertaan aktif daripada para belia yang mewakili pelbagai persatuan belia dari Bahagian Serian. Program ini dianjurkan dengan tujuan untuk memperkasa peranan golongan belia dalam bidang inovasi, kepimpinan, dan pembangunan komuniti, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Sepanjang program ini berlangsung, pelbagai aktiviti berimpak tinggi telah dijalankan, termasuk bengkel inovasi sosial, sesi perkongsian ilmu bersama tokoh belia berjaya serta pertandingan idea kreatif dan teknologi. Para peserta turut diberi pendedahan tentang potensi inovasi dalam memacu pembangunan masyarakat secara lestari.

Majlis penangguhan program ini telah dirasmikan oleh YB John Anak Ilus, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan N.23 Bukit Semuja. Dalam ucapannya, beliau menzahirkan penghargaan terhadap semangat dan komitmen para belia dalam menyertai program yang membina ini serta menyeru agar semangat inovatif diteruskan demi pembangunan Serian yang lebih progresif.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah YBrs. Ustaz Muhamad bin Abdullah, Penolong Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak yang juga merupakan wakil rasmi Pengarah JAKIM Sarawak. Kehadiran beliau menzahirkan sokongan padu daripada pihak agensi agama terhadap pembangunan sahsiah dan potensi belia Islam.











CERAMAH PENGURUSAN HARTA PUSAKA PERKASA KESEDARAN KOMUNITI KABONG

26 Julai 2025

Kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pengurusan harta pusaka dalam Islam terus diperkasa melalui penganjuran Ceramah Pengurusan Harta Pusaka anjuran Persatuan Pesara Daerah Kabong dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak yang diadakan pada 26 Julai 2025.

Program yang berlangsung di Masjid As-Sabirin, Daerah Kabong itu telah dirasmikan oleh YB Dato Mohd Chee bin Kadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.40 Kabong. Turut hadir ialah Encik Mohd Abiddin bin Ibrahim, Penolong Akauntan JAKIM Sarawak yang hadir mewakili Pengarah JAKIM Sarawak.

Penganjuran ceramah ini diharap menjadi titik mula kepada lebih banyak program seumpama ini di kawasan luar bandar, sekali gus memperkukuh literasi kewangan Islam dalam kalangan masyarakat.





BENGKEL TERJEMAHAN ZIKIR DALAM BAHASA ETNIK (KENYAH) DI SARAWAK TAHUN 2025



7 Ogos 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Bahagian Sibu dan Kapit telah menganjurkan Bengkel Terjemahan Zikir dalam Bahasa Kenyah pada 6 hingga 7 Ogos 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Agama Islam Bahagian Sibu.



Bengkel ini merupakan kesinambungan usaha penterjemahan zikir (bacaan dalam solat) ke dalam bahasa etnik di Sarawak dengan Bahasa Kenyah menjadi bahasa kelima selepas kejayaan terdahulu dalam versi Bahasa Iban, Bidayuh, Melanau Mukah dan Vaie. Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan bahan ibadah yang lebih mudah difahami dan dihayati oleh masyarakat Islam dalam kalangan etnik Kenyah khususnya yang tinggal di kawasan pedalaman.



Seramai lima orang fasilitator berbangsa Kenyah telah dilantik bagi membantu dalam penyediaan dan penyesuaian teks zikir yang telah disediakan. Mereka berperanan memastikan terjemahan yang dihasilkan tepat dari segi bahasa dan maksud serta sesuai dengan konteks budaya masyarakat Kenyah.

Hasil terjemahan zikir yang lengkap melalui bengkel ini akan diterbitkan serta diedar sebagai rujukan serta panduan kepada saudara-saudara kita dalam memahami dan menghayati makna zikir (bacaan dalam solat) melalui bahasa ibunda mereka.



REHLAH PONDOK ANJURAN PONDOK HIDAYATUL MUBTADI'IEN WA TAHFIDZUL QURAN, DATUK HAJI ABDUL KADIR HASSAN





10 Ogos 2025

Program Khatam Al-Quran dan Rehlah Pondok anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dan Pondok Hidayatul Mubtadi'ien Wa Tahfidzul Quran, Datuk Haji Abdul Kadir Hassan telah berlangsung dengan jayanya di Pantai Tenang, Lundu pada 8 hingga 10 Ogos 2025.

Sepanjang tiga hari program berlangsung, pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya saringan pertandingan bacaan kitab, sukaneka dan Majlis Khatam Al-Quran sebagai acara kemuncak.

Majlis penangguhan telah disempurnakan oleh Ustaz Mohd. Fadilah bin Junaidi, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak mewakili Pengarah JAKIM Sarawak. Turut hadir bersama Ustaz Shamsul Bahari Al-Adni bin Tamrin, Mudir pondok berkenaan.

Program ini bukan sahaja meraikan pencapaian pelajar yang berjaya menamatkan bacaan al-Quran, malah menjadi wadah memperkukuh hubungan silaturahim dan semangat kebersamaan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.



KURSUS SMART SOLAT MASJID AR-RAHMAN SEBAUH MALAYSIA MADANI TAHUN 2025

12 Ogos 2025

Kursus Smart Solat telah diadakan di Masjid ar-Rahman, Kampung Melayu Sebauh, Bintulu, pada 12 Ogos 2025 dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dan AJK Masjid ar-Rahman. Program ini bertujuan untuk memperkasakan amalan solat dalam kalangan komuniti Islam selaras dengan agenda Malaysia MADANI. Ceramah utama disampaikan oleh Ustaz Mohamad Ismail bin Najir Mohamad, Pegawai Agama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, yang menekankan kepentingan solat yang sahih, tertib dan khusyuk mengikut sunnah Rasulullah SAW.



Majlis disempurnakan oleh YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak, yang menyeru agar ilmu yang diperoleh, diamalkan demi membina masyarakat Islam yang berilmu, bersatu dan berakhlak tinggi.



Turut hadir ialah Puan Zaiton binti Ali, Ketua Kampung Hulu Sebauh, Tuan Haji Pawi bin Mizah, Imam Satu Masjid ar-Rahman, Encik Ismuni bin Selut, Timbalan Ketua Kampung Hilir Sebauh, Encik Johari bin Mahdom, Pengerusi Masjid 2025 dan Tuan Haji Johari bin Pawi, Timbalan Pengerusi Masjid ar-Rahman.



PROGRAM TAFAQQUH FIDDIN (KURSUS KESEMPURNAAN SOLAT) BAHAGIAN SARIKEI

14 Ogos 2025

Program Tafaqquh Fiddin yang memfokuskan kepada "Kursus Kesempurnaan Solat" telah berjaya dilaksanakan pada 14 Ogos 2025 di Masjid Ar-Rahman Kampung Seberang, Sarikei. Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam kepada masyarakat setempat mengenai kaedah dan tatacara solat yang lebih sempurna mengikut tuntutan syarak, di samping mengukuhkan amalan ibadah harian.



Kursus Kesempurnaan Solat pada kali ini telah disampaikan oleh Ustaz Mohd. Firdaus bin Ahmat dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak. Beliau menekankan aspek tahsin wuduk dan solat, kaedah berwuduk dan solat bagi orang sakit, kesilapan lazim dalam pelaksanaan wuduk dan solat serta kesempurnaan adab hati dan jiwa ketika beribadah. Para peserta turut diberikan panduan praktikal dan demonstrasi bagi memastikan pemahaman yang jelas serta dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian.



Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan diakhiri dengan majlis penangguhan kursus oleh Ustaz Muhamad bin Abdullah, Penolong Pengarah, JAKIM Sarawak mewakili Pengarah JAKIM Sarawak. Dalam ucaptama majlis tersebut, beliau turut menekankan kepentingan menuntut ilmu agama secara berterusan bagi membentuk masyarakat yang berdisiplin dan taat kepada Allah SWT.



FORUM BUAL BICARA BAITI JANNATI: REALITI ATAU ILUSI SEMPENA WACANA KHAS KELUARGA ISLAM SARAWAK TAHUN 1447H/2025M







16 Ogos 2025

Forum Bual Bicara "Baiti Jannati: Realiti atau Ilusi" telah diadakan di Masjid At-Taqwa, Miri pada 16 Ogos 2025. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak dan Pejabat Agama Islam Bahagian Miri bersempena penganjuran Wacana Khas Keluarga Islam Sarawak Tahun 1447H/2025M.

Forum ini menampilkan dua orang ahli panel, iaitu YBhg. Dr. Sarip bin Adul, Pengarah Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah, dan Dr. Mohd. Izwan bin Md. Yusof, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penyelidikan, JAKIM. Moderator forum ialah Yang Arif. Mohammad Nuur Iman bin Suip, Pegawai Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak.

Turut hadir memeriahkan majlis, Yang Amat Arif Datu Awang Suhaili bin Ledi, Ketua Hakim Syarie Sarawak, Yang Arif Tuan Rosidi bin Masli, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Miri, Yang Arif Puan Hajah Noor Hadina binti Haji Ahmad Zabidi, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan YBrs. Puan Maria binti Jilani, Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

PROGRAM KEMBARA INSAN MADANI













FORUM PERDANA EHWAL ISLAM SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT SARAWAK TAHUN 1447H/2025M













PERARAKAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT SARAWAK TAHUN 1447H/2025M















MALAM TANJONG DATU BERSELAWAT SEMARAKKAN CINTA RASULULLAH SAW

6 September 2025

Malam Tanjong Datu Berselawat telah diadakan pada 6 September 2025 di Masjid Pehin Sri Adenan Satem sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Lundu yang berlangsung dengan penuh meriah dan berkat.

Majlis istimewa ini dihadiri oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri Pembangunan Keluarga dan Masyarakat Malaysia merangkap Ahli Parlimen P.193 Santubong. Turut hadir YBhg. Datin Patinggi Datuk Amar Hajah Jamilah binti Haji Anu, Pengerusi LAKIL yang bersama-sama masyarakat setempat mengalunkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Majlis diserikan lagi dengan alunan qasidah daripada kumpulan Muhibbin dan tausiyah telah disampaikan oleh Habib Najmuddin bin Syed Othman Al Khered yang menekankan kepentingan meneladani akhlak mulia Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian, di samping menyeru umat Islam memperkukuh ukhuwah serta mengamalkan nilai kasih sayang sesama insan.

Majlis berakhir dengan doa selamat dan alunan selawat terakhir sebagai tanda kecintaan umat Islam terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW.







MAJLIS PERARAKAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT DAERAH LUNDU TAHUN 1447H/2025M







7 September 2025

Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Lundu 1447H/2025M berlangsung meriah dengan perarakan yang menghimpunkan seramai 900 peserta mewakili 38 kontinjen daripada agensi kerajaan dan swasta, badan beruniform, pelajar serta warga kampung sekitar Lundu.

Majlis bermula dengan perhimpunan di Mini Stadium, Lundu sebelum perarakan sejauh hampir tiga kilometer dilaksanakan dengan penuh semangat, diiringi selawat dan laungan puji-pujian kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Sambutan turut diserikan dengan kehadiran Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ahli Parlimen Santubong, YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, bersama ADUN Tanjung Datu, YB Tuan Azizul Annuar bin Pehin Sri Adenan. Turut hadir YBhg. Datin Patinggi Datuk Amar Hajah Jamilah binti Haji Anu, Pengerusi LAKIL serta YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak.

Perarakan tersebut menjadi wadah bagi masyarakat Islam di Daerah Lundu menzahirkan kecintaan terhadap Nabi Muhammad SAW serta menghayati sirah perjuangan baginda, di samping memperkukuh ukhuwah seiring tema sambutan tahun ini, 'Ummah Maju Makmur'.

PROGRAM KEMBARA SEGULAI SEJALAI BELIA SARAWAK 2025 DI BAHAGIAN BINTULU



















PROGRAM LANGKAH JUARA: ROAD TO SPM 2025 SEKOLAH MENENGAH AGAMA RAKYAT MADRASAH AL-KHAIRAT, KUCHING

21 September 2025

Program Langkah Juara: Road to SPM 2025 adalah sebuah program yang dijalankan untuk pelajar calon SPM 2025 yang akan menduduki peperiksaan pada tahun ini. Program ini bertujuan bukan sahaja untuk meningkatkan kefahaman pelajar mengenai teknik-teknik menjawab soalan SPM dengan betul melalui bimbingan guru dan fasilitator yang berpengalaman, tetapi juga untuk membina disiplin, fokus, dan strategi belajar yang berkesan menjelang peperiksaan.

Semoga program ini menjadi platform terbaik untuk menyediakan pelajar dengan ilmu, semangat, dan keyakinan yang diperlukan menjelang peperiksaan SPM serta mampu melakar kejayaan cemerlang dalam SPM 2025. Diharapkan pengalaman dan pendedahan yang diperoleh daripada program ini dapat membimbing pelajar menjadi individu yang berdikari, berdaya saing, dan berkeyakinan tinggi dalam menghadapi cabaran akademik pada masa hadapan.









PROGRAM CITRA UMMAH MADANI BAHAGIAN BETONG













KUNJUNGAN HORMAT





KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI IKATAN ANAK NEGERI SARAWAK JORDAN (IANERIS)





KUNJUNGAN HORMAT KEPADA YBHG. KOLONEL YUSRIZAL BIN ZAIN, KOMANDER TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA DI PANGKALAN UDARA KUCHING.



MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT ZON SELATAN KONTINJEN SARAWAK TAHUN 2025 IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) KOTA SAMARAHAN





24 September 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama strategik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Samarahan telah mengadakan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Zon Selatan Kontinjen Sarawak Tahun 2025 yang bertempat di Surau Al-Madani, IPD Kota Samarahan.

Majlis dimulakan seawal jam 8.00 pagi dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran oleh 7 orang qari dan 5 orang qariah yang mewakili Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) bahagian masing-masing. Untuk makluman, pertandingan tersebut disertai oleh 10 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di Zon Selatan Sarawak.

Antara objektif program tersebut adalah untuk memilih peserta terbaik bagi mewakili Zon Selatan ke peringkat seterusnya, membudayakan pembacaan al-Quran dalam kalangan warga PDRM secara berterusan, serta meningkatkan kecintaan terhadap al-Quran sebagai panduan hidup.

Majlis penangguhan program tersebut telah dirasmikan oleh DSP Barry Anak William, Timbalan Ketua Polis Daerah Kota Samarahan. Turut memenuhi jemputan dan menyerikan majlis penangguhan tersebut ialah ASP Azizan bin Mohd Jon, ASP Siasatan dan Perundangan JIPS yang mewakili IPK Sarawak; DSP Haji Amir bin Haji Amin, wakil KPD Kuching; ASP Syed Muzzafar bin Syed Anuar, wakil KPD Padawan; ASP Nasyarudin bin Ramli, wakil KPD Bau; ASP Ab Aziz bin Abdullah, wakil KPD Serian; Inspektor Sujanto bin Sudarjo, wakil KPD Simunjan; dan Inspektor Muhammad Asyraf bin Azmi, wakil KPD Lubok Antu.



Forum Perdana: Islam dan Teknologi Mencorak Generasi Madani Sempena Sambutan 10 Tahun New Sarikei School (NeSS) Peringkat Sekolah Tahun 2025



26 September 2025

Forum Perdana bertajuk "Islam dan Teknologi: Mencorak Generasi Madani" telah diadakan di Masjid al-Muttaqin, Sarikei pada 26 September 2025 selepas solat Maghrib berjemaah sempena Sambutan 10 Tahun New Sarikei School (NeSS) Peringkat Sekolah Tahun 2025. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sarikei Baru serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Sarikei Baru.



Forum ini menampilkan dua orang ahli panel, iaitu Tuan Haji Sulaiman bin Hasim, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, serta Encik Abdul Rauf bin Haji Rimi, penceramah JAKIM. Moderator forum ialah Encik Azizul Raheem bin Azli, guru Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Yong Kwong.



Program ini turut dihadiri oleh warga NeSS, para jemputan khas serta masyarakat setempat yang hadir bagi memeriahkan majlis ilmu ini. Forum memberi fokus kepada peranan teknologi dalam membentuk generasi Madani serta cabaran umat Islam dalam mendepani era digital masa kini.

MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN DAN GRADUASI TINGKATAN 5 SMKA SHEIKH HAJI OTHMAN ABDUL WAHAB TAHUN 2025







27 September 2025

Majlis Khatam Hafazan Al-Quran dan Graduasi Pelajar Tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab telah berlangsung dengan meriah di Dewan Hikmah, Kuching. Majlis ini bertujuan untuk meraikan pelajar Tingkatan 5 yang berjaya menamatkan hafazan al-Quran serta menghargai pencapaian akademik, kokurikulum, dan sahsiah.

Majlis ini dihadiri oleh YBrs. Encik Ahmadazra bin Sa'adi, wakil Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak; YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak; YBhg. Tuan Haji Mual bin Haji Suaud, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak; serta Puan Fatimah binti Wan Adini, Pengetua sekolah. Kehadiran tetamu kehormat ini telah menyerikan lagi majlis, sekali gus memperlihatkan sokongan padu terhadap usaha sekolah dalam melahirkan generasi huffaz yang profesional, berakhlak mulia, dan berdaya saing.

Majlis kemudian diteruskan dengan acara khatam hafazan, perkongsian khas oleh Ustaz Mohd. Fadilah bin Junaidi dari JAKIM Sarawak, tayangan montaj, penganugerahan sijil khatam, penghargaan kepada pelajar cemerlang dalam bidang akademik, sahsiah, dan kepimpinan serta penyampaian anugerah khas sekolah.

PROGRAM SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT SEKOLAH KEBANGSAAN BELIONG







1 Oktober 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama strategik Sekolah Kebangsaan Beliong telah mengadakan Program Sambutan Maulidur Rasul Peringkat SK Beliong.

Sambutan ini dianjurkan dengan tujuan memperingati kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta menghayati sirah dan akhlak Baginda sebagai teladan untuk seluruh warga sekolah. Program dimulakan dengan sesi perarakan seterusnya ceramah khas yang disampaikan oleh Ustaz Muhamad Faiz bin Muhd. Fadhil.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ustaz Mohd. Fadilah bin Junaidi, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak. Majlis turut dihadiri oleh YBrs. Encik Mohd Hatta bin Abdul Wahab, Guru Besar SK Beliong bersama warga sekolah, ibu bapa serta jemputan yang hadir memeriahkan program.

PROGRAM SANTAPAN ROHANI MADANI DAERAH KECIL DEBAK TAHUN 2025M/1447H















FORUM PENTAS DAKWAH "MASJID: PENYATU UMMAH, PEMANGKIN KOMUNITI" SEMPENA KARNIVAL SEBATI MADANI YADIM 2025





4 Oktober 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak dengan kerjasama strategik Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid Darul Solihin, Kampung Bungey, Debak telah menjayakan Forum Pentas Dakwah bertemakan "Masjid: Penyatu Ummah, Pemangkin Komuniti" sempena penganjuran Karnival Sebati MADANI YADIM 2025. Forum ini diadakan pada 4 Oktober 2025 bertempat di Masjid Darul Solihin Kampung Bungey, Debak.

Forum ini telah menampilkan panel yang hebat iaitu YBhg. Datu Haji Khalidi bin Haji Ibrahim, Pakar Rujuk Jabatan Mufti Sarawak merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YADIM dan YBrs. Ustaz Mohd Isselahuddin bin Kameri, Pegawai Agama Islam Bahagian, Pejabat Agama Islam Bahagian Betong. Moderator jemputan pula ialah Ustaz Mohammad Shahtella bin Montel, Pegawai Hal Ehwal Islam, Kementerian Perladangan dan Komoditi.

Turut hadir menyerikan program, YBrs. Ustaz Muhammad bin Abdullah, Penolong Pengarah merangkap wakil Pengarah JAKIM Sarawak; YBrs. Encik Awang Dulhadi bin Awang Mat, Pengarah YADIM Sarawak; Encik Mohammad Khairurani bin Mohammad Ibrahim, Pegawai Tadbir Menguasa Daerah Kecil Debak; Temenggong Haji Piee Alwi dan Encik Ismail bin Muhammad, Pengerusi Masjid Darul Solihin.

MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL SEHARI BERSAMA KOMUNITI MADANI



5 Oktober 2025

Majlis Perasmian Karnival Sehari Bersama Komuniti MADANI telah dilaksanakan pada hari terakhir karnival bertempat di Riveria Sport Centre, Debak.

Majlis telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Hamdan bin Katang selaku Pemangku Timbalan Residen Bahagian Betong. Turut hadir memeriahkan majlis, YBhg. Datu Haji Khalidi bin Haji Ibrahim, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YADIM, Ustaz Muhammad bin Abdullah, Penolong Pengarah selaku wakil Pengarah JAKIM Sarawak, YBrs. Encik Awang Dulhadi bin Awang Mat, Pengarah YADIM Sarawak, Encik Mohammad Khairurani bin Mohammad Ibrahim, Penolong Pegawai Tadbir Menguasa, Pejabat Daerah Kecil Debak, Haji Piee bin Alwi, Temenggong Daerah Debak, Puan Ummu Hani Husna bin Abd Aziz, Pengarah Bahagian Pelaburan dan Penajaan YADIM, Encik Ahmad Mohadib bin Matariff mewakili Pegawai Agama Islam Bahagian, Pejabat Agama Islam Bahagian Betong dan Encik Abang Kifrawi bin Abang Rukaili, Penghulu Kampung Debak.



Majlis perasmian ini dijalankan seusai penganjuran pelbagai aktiviti dan pengisian antaranya Pertandingan Pidato Cilik MADANI, Pertandingan Etnik Kanak-Kanak Tadika, Liga Penalti, Pertandingan Hadrah, Forum Pentas Dakwah, Malam Gema Nurani dan Jualan Rahmah.



MAJLIS MENYEMAI BAKTI INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK (IKMAS) KALI KE -24

8 Oktober 2025

Perasmian Program Menyemai Bakti Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah diadakan pada 6 Oktober 2025 bertempat di Dewan Pusat Pentadbiran Kerajaan Sarawak, Bahagian Serian.

Program ini bertujuan untuk memupuk semangat khidmat bakti, memperkukuh hubungan silaturahim serta memperluas jaringan kerjasama strategik agensi-agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam menyantuni masyarakat di lapangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan diikuti dengan ucapan aluan oleh YBrs. Ustazah Zaizurina binti Mansor, Pengarah IKMAS.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh wakil Pejabat Residen Bahagian Serian, YBrs. Encik Mohamad Rashdan bin Hazemi. Turut hadir memeriahkan majlis ialah YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak.









PROGRAM KEMBARA INSANI MADANI ZON UTARA TAHUN 2025M/1447H













PROGRAM ZIARAH IMARAH MASJID SEMPENA PROGRAM KEMBARA INSANI MADANI ZON UTARA TAHUN 2025M/1447H













PROGRAM BICARA MAHABBAH BERSAMA HABIB ALI ZAENAL ABIDIN AL-HAMID

25 Oktober 2025

Pada 25 Oktober 2025, Program Bicara Mahabbah bersama Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid telah diadakan bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK) anjuran Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS).

Majlis ini dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk penjawat awam, penuntut Institut Pengajian Tinggi dan wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Pengisian bicara ini menekankan pentingnya nilai kasih sayang dan perpaduan sebagai asas kesejahteraan ummah.

Ucapan penangguhan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS. Turut hadir ialah YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak; Tn. Haji Khairul Annuar bin Datu Haji Mohammed Sapuan, Pengerusi Sekretariat Maulid Akbar Sarawak serta Yang Arif Tuan Haji Najarudin bin Haji Nedri, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuching.









PROGRAM MAULID AKBAR 3.0 SARAWAK





27 Oktober 2025

Program Maulid Akbar 3.0 Sarawak telah diadakan pada 25 Oktober 2025 bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK). Program ini merupakan kerjasama strategik pelbagai pihak termasuklah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak.


Pengisian program meliputi bacaan Wirdul Latif, solat berjemaah, tazkirah, qasidah, dan tausiyah perdana oleh Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid yang menekankan pentingnya meneladani akhlak Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian.

Majlis turut dihadiri oleh YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak bersama pemimpin agensi, tetamu jemputan dan orang ramai yang hadir untuk memeriahkan suasana dengan penuh semangat mahabbah.

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN TILAWAH AL-QURAN PDRM PERINGKAT KONTINJEN SARAWAK TAHUN 2025



28 Oktober 2025





28 Oktober 2025

Majlis Perasmian Penutupan Tilawah Al-Quran Polis Diraja Malaysia (PDRM) Peringkat Kontinjen Sarawak Tahun 2025 telah diadakan pada 28 Oktober 2025 bertempat di Mes Pegawai Kanan, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah YDH DCP Saifullizan bin Ishak, Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak. Majlis turut dihadiri oleh YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak, ketua-ketua jabatan dan formasi PDRM.

Majlis dimulakan dengan Lagu Negaraku dan Ibu Pertiwiku diikuti bacaan doa oleh Ustaz Muhammad Fadzly bin Sani. Dalam ucapan perasmian YDH DCP Saifullizan bin Ishak, Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak menekankan kepentingan penghayatan al-Quran dalam membentuk sahsiah anggota PDRM.

LAWATAN KERJA RASMI TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR) JAKIM













YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK SANTUNI RAKYAT

7 November 2025

Majlis Solat Jumaat dan Ramah Mesra bersama Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak telah berlangsung di Masjid Pehin Sri Haji Adenan Satem, Lundu pada 7 November 2025.









PROGRAM KEPIMPINAN SMK AGAMA MATANG 2

12 November 2025

Program Kepimpinan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Matang 2 telah diadakan di Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) bermula pada 10 hingga 12 November 2025 melalui kerjasama strategik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak, pihak sekolah dan IKMAS.

Sepanjang program, peserta mengikuti latihan kepemimpinan, pengukuhan jati diri dan aktiviti berpasukan yang bertujuan memantapkan kepemimpinan serta sahsiah pelajar.

Majlis penangguhan pada 12 November 2025 telah disempurnakan oleh Ustaz Mohd. Fadilah bin Junaidi, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak. Turut hadir bersama Ustaz Yazid bin Rajali, Pengetua SMK Agama Matang 2 serta Ustaz Ahmad Ezzuddin bin Mohamad mewakili IKMAS.

PROGRAM SEMBELIHAN HALAL SYARIAT BAHAGIAN BETONG TAHUN 2025















PROGRAM BICARA TADABBUR DI PENJARA PUNCAK BORNEO

20 November 2025

Pusat Pengembangan Al-Quran Darul Hana (DHQ-c) Majlis Islam Sarawak dengan kerjasama Penjara Puncak Borneo telah menganjurkan Program Bicara Tadabbur.

Program ini bertujuan untuk menyemarakkan budaya tadabbur dan penghayatan al-Quran dalam kalangan penghuni Penjara Puncak Borneo melalui bacaan ayat suci al-Quran serta sesi tadabbur bersama ilmuan dan panel berpengalaman bagi memperkukuh kefahaman agama dan mendekatkan peserta kepada mesej al-Quran.





Majlis penangguhan program disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, YBhg. Datuk Haji Misnu bin Haji Taha di Penjara Puncak Borneo Kuching pada 20 November 2025.

Turut hadir YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak, YBrs. Tuan Mohd Hamdhan bin Mat Noh, Penolong Komisioner Penjara, Pengarah Penjara Puncak Borneo, ketua-ketua serta wakil agensi Islam Sarawak.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN





MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEKOLAH KEBANGSAAN MATANG JAYA BAGI SESI 2025 TELAH BERLANGSUNG DENGAN PENUH TERTIB DAN MERIAH PADA 22 NOVEMBER 2025





MAJLIS KHATAM AL-QURAN TAHUN 6 SEKOLAH KEBANGSAAN SEBANDI ULU TELAH DIADAKAN PADA 27 NOVEMBER 2025 BERTEMPAT DI ANJUNG ILMU, SK SEBANDI ULU

JAKIM SARAWAK BANTU MEMBANGUN JATI DIRI PELAJAR





MAJLIS KHATAM AL-QURAN TAHUN 6 SEKOLAH KEBANGSAAN SEMATAN TELAH DIADAKAN PADA 11 DISEMBER 2025 BERTEMPAT DI DEWAN SERBAGUNA, SK SEMATAN





MAJLIS GRADUASI DAN PENCAPAIAN CEMERLANG SEKOLAH KEBANGSAAN SEBAT DENGAN KERJASAMA JAKIM SARAWAK PADA 17 DISEMBER 2025 BERTEMPAT DI KEM BELIA PUEH, SEMATAN

DISEMBER

KUNJUNGAN HORMAT JAWATANKUASA PENGURUSAN MASJID DARUL NAIM, KAMPUNG LINTANG







16 Disember 2025

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak telah menerima kunjungan hormat daripada Jawatankuasa Pengurusan Masjid Darul Naim, Kampung Lintang pada 16 Disember 2025. Kunjungan tersebut diketuai oleh Dr. Abang Azizan bin Abang Ariffin, Pengerusi Masjid Darul Naim bersama beberapa orang ahli jawatankuasa yang lain. Delegasi disambut mesra oleh YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak serta pegawai-pegawai jabatan.

Agenda utama kunjungan ini adalah bagi mengeratkan hubungan kerjasama serta membincangkan hal ehwal pengurusan dan pengimarahan masjid. Dalam sesi pertemuan tersebut, perbincangan tertumpu kepada aspek pengurusan masjid, pelaksanaan program keagamaan dan potensi kerjasama strategik antara pihak masjid dan JAKIM Sarawak demi manfaat masyarakat setempat.

MENGGAPAI BARAKAH: KESEIMBANGAN ANTARA AMANAH KERJA DAN KEHIDUPAN



Oleh: Encik Hamdan bin Jar'ee
Pengarah,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak

Bekerja dalam sebuah organisasi agama seperti JAKIM Sarawak bukan sekadar melaksanakan rutin pentadbiran atau teknikal, malah ia merupakan satu bentuk jihad fardu kifayah. Setiap helaian kertas yang ditandatangani dan setiap program dakwah yang diatur adalah amanah yang akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT kelak. Namun, dalam ghairah kita mengejar kecemerlangan organisasi, satu persoalan besar perlu kita renungkan: Adakah kita menjaga keseimbangan antara tuntutan kerjaya, hak keluarga, dan keperluan rohani kendiri?

Islam tidak pernah menuntut umatnya untuk menjadi seorang yang ekstrem dalam satu sudut sehingga mengabaikan sudut yang lain. Konsep Wasatiyyah atau kesederhanaan perlu diterjemahkan dalam pengurusan masa dan tenaga. Seorang penjawat awam yang cemerlang bukan hanya mereka yang pulang lewat setiap hari, tetapi mereka yang mampu menguruskan tugasan dengan efisien tanpa mengabaikan tanggungjawab sebagai ketua keluarga atau hamba Allah yang perlu bersujud di keheningan malam.

Keseimbangan bermula dengan penyusunan keutamaan (Fiqh al-Aulawiyat). Apabila kita mampu menguruskan stres dan emosi dengan baik, kualiti kerja kita akan meningkat secara automatik. Produktiviti yang lahir daripada jiwa yang tenang (Mutmainnah) jauh lebih berkat berbanding hasil kerja yang dilakukan dalam keadaan tertekan sehingga menjejaskan kesihatan fizikal dan keharmonian rumah tangga.

Di JAKIM Sarawak, kita ingin membudayakan nilai Ihsan iaitu melakukan sesuatu dengan sebaik mungkin kerana menyedari Allah sentiasa memerhati. Ihsan terhadap kerja bermaksud memberikan komitmen penuh pada waktu pejabat, manakala ihsan terhadap diri sendiri bermaksud memberikan ruang untuk berehat dan memperkasakan ilmu. Ingatlah, tubuh badan kita mempunyai hak untuk berehat dan keluarga kita mempunyai hak untuk disantuni.

Saya menyeru kepada semua warga kerja JAKIM Sarawak untuk terus beristiqamah dalam memberikan khidmat terbaik kepada ummah. Jadikanlah setiap keringat yang tumpah sebagai pelaburan akhirat. Namun, jangan lupa untuk terus membugar keseimbangan dalam hidup. Kerjaya yang hebat adalah kerjaya yang membawa kita lebih dekat kepada pencipta-Nya, bukannya menjauhkan kita daripada fitrah kemanusiaan.

Semoga Allah SWT memberkati segala usaha kita dan menjadikan kita penjawat awam yang seimbang dari segi duniawi dan ukhrawi.

"SEGULAI SEJALAI, BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



SENYUM DI SEBALIK DERITA: MENYINGKAP HIKMAH DI SEBALIK KESAKITAN



Oleh: Encik Hairulnizam bin Razali
Unit Pembangunan (Belia & NGO),
Bahagian Pembangunan Insan.

Kehidupan manusia sering kali diumpamakan sebagai roda yang berputar; ada ketikanya kita di atas dengan nikmat kesihatan yang melimpah, dan ada ketikanya kita diuji dengan kesakitan yang melemahkan fizikal. Bagi seorang Muslim, sakit bukanlah sekadar gangguan biologi atau nasib malang, sebaliknya ia merupakan satu bentuk "komunikasi" daripada Pencipta. Artikel ini mengajak pembaca untuk merenung kembali kedudukan sakit dalam neraca iman dan bagaimana ia mampu mengangkat darjat seorang hamba.

Sakit Sebagai Medium Pembersihan Dosa

Antara ibrah terbesar yang dititipkan melalui kesakitan adalah sebagai wasilah pengguguran dosa. Manusia tidak sunyi daripada melakukan kekhilafan, sama ada secara sedar atau tidak. Dalam sebuah hadis riwayat Bukhari dan Muslim, Rasulullah SAW bersabda:
"Tidaklah seorang Muslim ditimpa keletihan, sakit, kesedihan, gangguan, atau kegelisahan, bahkan duri yang menusuknya, melainkan Allah akan menghapus dosa-dosanya."
Melalui lensa ini, sakit seharusnya dihadapi dengan sangka baik (husnuzon) terhadap Allah. Ia adalah bentuk kasih sayang Tuhan yang ingin membersihkan hamba-Nya di dunia sebelum bertemu di akhirat kelak dalam keadaan yang suci.

Manifestasi Kesabaran dan Keredaan

Sakit adalah ujian praktikal terhadap tahap kesabaran seseorang. Apabila nikmat kesihatan ditarik, di situlah terpancar keikhlasan hati dalam menerima takdir. Reda dengan kesakitan bukan bermakna kita menyerah tanpa berusaha (ikhtiar), tetapi ia adalah ketenangan hati menerima ketentuan-Nya sambil berusaha mencari penawar. Individu yang sabar ketika sakit dijanjikan ganjaran tanpa hisab, selari dengan firman Allah dalam Surah Az-Zumar, ayat 10 yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang bersabar sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terhitung."

Menghargai Nikmat yang Terlupa

Sering kali, manusia hanya menyedari nilai kesihatan apabila mereka terbaring di katil hospital. Sakit berfungsi sebagai "loceng peringatan" agar kita menghargai nikmat tubuh badan yang selama ini digunakan untuk beribadah dan bekerja. Ibrah ini menuntut kita untuk bermuhasabah; adakah ketika sihat dahulu kita benar-benar memanfaatkan kekuatan tersebut di jalan Allah? Sakit mengajarkan kita untuk tidak sombong dengan kekuatan diri, kerana pada hakikatnya, manusia hanyalah makhluk yang lemah yang sentiasa memerlukan pertolongan Allah (Al-Faqir).

Hubungan Kemanusiaan dan Ihsan

Dari sudut kemasyarakatan, sakit membuka ruang untuk amalan Ihsan. Apabila seseorang itu sakit, ia memberi peluang kepada ahli keluarga, sahabat, dan masyarakat untuk mendapat pahala melalui aktiviti menziarahi dan menjaga pesakit. Di Sarawak, budaya menjaga kebajikan jiran tetangga yang uzur adalah satu nilai yang perlu dipertahankan. Ini mengukuhkan ukhuwah dan menyemai rasa empati dalam kalangan ummah.

Sesungguhnya, setiap denyut kesakitan yang dirasai ada nilai di sisi Allah SWT. Janganlah kita melihat sakit sebagai bebanan semata-mata, tetapi pandanglah ia sebagai proses "rehabilitasi" rohani. Semoga dengan kefahaman ini, kita menjadi hamba yang lebih bersyukur ketika sihat dan lebih kental jiwanya ketika diuji dengan kesakitan.



Selamat Datang



Dr. Hasfa Bakhry bin Hassan
Bahagian Penyelidikan & Penyelarasan



Encik Muhammad Hilal Hamzani bin Ahmad Mukarrom
Unit Pengurusan Halal



Encik Mohd. Zulfadli bin Matamin
Unit Pengurusan Halal



Encik Muhammad 'Ainuddin Safiy bin Rasidi
Unit Pengurusan Halal



Encik Muhammad Abdul Akram bin Morti
Unit Pengurusan Halal



Cik Nurshazlin binti Suuit
Unit Pengurusan Halal



Cik Siti Atikah binti Abdullah
Unit Pengurusan Halal



Cik Nurul Izzati binti Samharis
Unit Pengurusan Halal



Cik Husnul Nisa' binti Amran
Unit Pengurusan Halal



Cik Nur Haziqah binti Halil
Unit Pengurusan Halal



Encik Muhammad Faizul bin Kanaini
Bahagian Pembangunan Insan



Encik Muhd Asyraaf bin Abdullah
Bahagian Khidmat Pengurusan



Puan Nur Fatin Amira binti Marzuki
Bahagian Khidmat Pengurusan

Jasamu Dikenang



Encik Mohammad Shahtella bin Montel
Pegawai Hal Ehwal Islam



Encik Muhammad Aliff bin Yusof
Pembantu Hal Ehwal Islam



Encik Mohd. Firdaus bin Ahmat
Pembantu Hal Ehwal Islam



Encik Muhammad Khalid bin Jara'iee
Pemandu Kenderaan

Sekalung Tahniah

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2024



Encik Muhammad Aliff bin Yusof
Pembantu Hal Ehwal Islam



Encik Hairulnizam bin Razali
Pem. HEI/PMSK



Puan Norazian binti Hossen
Pem. HEI/PMSK

Anugerah Ketua Pengarah JAKIM 2024



Encik Mohd. Fadilah bin Junaidi
Pegawai Hal Ehwal Islam



Puan Rokiah binti Amit
Pem. Tadbir (Operasi)



Encik Muhammad Muhaimin bin Alimat
Pem. HEI/PMSK

Diterbitkan oleh:

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK

Aras 9, Majma' Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah, Lorong P. Ramlee 5,
Jalan P.Ramlee, 93400 Kuching,
SARAWAK

No. Telefon : 082-507224
No. Faks : 082-507217
Email : jakimsarawak@islam.gov.my

Buletin Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Sarawak

ISSN 3154-7540